

CARA BINA BISNES CENDAWAN MENGUNTUNGGAN BAGI BEGINNER

01



02



03



04



05



06



07



08



Nukilan:
Anas Azmi
CooLLat.com



“ Bagi semua yang tidak membandingkan diri dengan orang lain,
tetapi hanya membanding dengan dirinya yang dahulu. “

Siri ini diterbitkan oleh:



Hub Bisnes Cendawan

Setiap eBook disertakan dengan:



Salam / Hi semua, saya Anas dari CoolLat.com. Terima kasih kerana subscribe dan membeli ebook kursus cendawan ini. Saya harap ia memberi manfaat kepada anda :)

Ebook ini adalah hanya untuk bacaan peserta kursus yang membelinya. Ianya dilarang sama sekali untuk dikongsikan kepada umum secara langsung.

Setiap pembelian Ebook Kursus Cara Bina Bisnes Cendawan Menguntungkan bagi Beginner ini adalah termasuk semua di bawah ini. Sekiranya anda tidak mendapatnya, sila terus hubungi saya seperti link tertera di bawah muka surat ini.

Emel dan alamat yang digunakan untuk agihan ini adalah sepertimana yang anda isikan semasa proses pembayaran sebelum ini.

1. Produk Digital yang diagihkan melalui emel:

- a. Ebook penuh pdf Cara Bina Bisnes Cendawan Menguntungkan bagi Beginner 200 muka surat. Ia boleh dibaca di dalam smartphone atau juga computer. Panduan ini akan menjadi panduan utama buat anda dan akan disertai rujukan lain.***
- b. Rujukan secara digital* termasuklah softcopy template yang akan kita gunakan di dalam bab-bab di dalam ebook ini.**
- c. Coaching asas harian* di dalam emel yang juga berfungsi sebagai workbook anda untuk memastikan anda boleh terus mempraktikkan ilmu ini.**
- d. Link untuk menyertai grup Whatsapp Cendawan Best* melalui smartphone anda.**

2. *Barang fizikal yang akan dipos kepada alamat pilihan anda:*

- a. **5 bongkah cendawan** separa matang. Cara pengurusan bongkah ini akan diceritakan step by step di dalam ebook panduan ini.
- b. **Sijil penyertaan** bercetak dengan nama dan nombor kad pengenalan anda.

Semua barangan fizikal yang dihantar secara courier akan mengambil masa selewat-lewatnya 7 hari bekerja untuk sampai kepada anda bergantung kepada di mana anda berada di dalam Malaysia.

Sekiranya anda tidak menerima 6 perkara di atas ini, boleh terus hubungi saya dengan klik link whatsapp atau emel di bawah ini:



<http://wasap.my/60164092053/setdapattaklengkap>



anasdrazmi@gmail.com

Dan sekiranya anda mendapatkan ebook ini tanpa melalui pembelian, sila buat pembayaran di link di bawah. Anda akan rugi kerana tiada coaching emel yang penuh dengan template dan alat pembelajaran yang boleh memastikan impak penuh dari kursus digital ini. Kesalahan mengedarkan buku ini tanpa kebenaran adalah termasuk di dalam jenayah cetak rompak.

Panduan Penuh Cara Bina
BISNES CENDAWAN MENGUNTUNGKAN
Bagi Beginner
+ Rujukan digital
+ Sijil
+ Bongkah
~~Bukan RM300~~
~~Bukan RM250~~
Tapi RM100 sahaja

**Panduan Penuh Cara Bina Bisnes Cendawan
Menguntungkan bagi Beginner**

[Link link link *****](#)

Jom jadikan ebook ini sangat berbaloi dengan belajar, memahami dan mempraktikkan ilmunya supaya anda dapat mencapai keuntungan seawal tahun pertama lagi.

Saya doakan kita semua Berjaya. Amin ;)

– Anas CoolLat.com

Portfolio CoolLat.com

Tenaga Pengajar Kursus Kemahiran Asas
bagi Perusahaan Cendawan Tiram Kelabu



BIODATA PENGAJAR

En Anas bin DR Azmi

- ❖ Pengurus Anas Industries (MA0187498-H)
- ❖ Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Penyelidik dan Pengusaha Cendawan Malaysia (PPPCM)
- ❖ Perusahaan cendawan segar sejak 2017
- ❖ Bekas Jurutera Pembangunan di bidang Automotif dan Semikonduktor
- ❖ Latihan penanaman cendawan oleh Persatuan Penyelidikan Cendawan Malaysia

❖ Menguruskan kursus cendawan fizikal di Pulau Pinang dan Pahang

❖ Penulis buku berkaitan cendawan, dana, dan perniagaan

❖ Penceramah Kursus Cendawan anjuran CoolLat.com secara online 1 Malaysia



Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



“ Kegagalan adalah untuk
sesiapa yang takut mencuba,
bukannya untuk yang
takutkan kegagalan. “
- Lester B. Pearson



ISI KANDUNGAN

BAB 1: POTENSI BISNES CENDAWAN	16
Syarat Keadaan Anda.....	17
Pengenalan 4 Fasa Projek	18
Potensi Setiap Fasa	24
Ingin Mendalami Lebih Lanjut?	36
BAB 2: PERSEDIAAN SEBELUM BERMULA	39
Cari Ilmu Dahulu	40
Semak Permintaan Pasaran	43
Mula Kecil-Kecilan	50
Cari Komuniti.....	57
BAB 3: BINA RUMAH CENDAWAN	61
Cari Tempat yang Sesuai.....	62
Ukur Kesesuaian Keadaan	64
Ukur Luas.....	67
Rancang Rumah dan Rak	71
Mula Bina	76
Tempah Bongkah / Bahan	77
BAB 4: PERSIAPAN SEBELUM MASUK BONGKAH / MULA MUSIM	82
Pembersihan.....	82
Belian Semua Keperluan.....	85
Rancang Pengangkutan Bongkah / Bahan	88
BAB 5: MULA	94

Susunan Bongkah	95
Tunggu Matang	100
Buka Penutup	105
Buka Tempahan Segar	107
Mula Isi Rekod	108
BAB 6: MUSIM PERTAMA.....	108
Tuaian Pertama dan Kedua.....	108
Tutup Rehat.....	108
Rutin Harian.....	108
Konsisten Menjual	108
Uruskan Kesihatan Bongkah	108
Rekod	108
Urus Bongkah Rosak.....	108
Urus Bongkah Mati	108
Menabung untuk Bongkah Baru	108
Tempah Bongkah Seterusnya	108
Cuci Rumah dan Rehat	108
Semak Rekod dan Kira Untung Rugi	108
BAB 7: APA LANGKAH SETERUSNYA?	108
Tambah Kemahiran Asas	108
Besarkan Margin Keuntungan	108
Tambah Kemahiran Baru	108
Cuba Contract Farming.....	108

BAB 8: CARA KEMBANGKAN BISNES	108
Buat Kertas Kerja	108
Mohon Geran	108
Cari Partner	109
Sertai Coaching.....	109

Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



**“ Yang berani untuk gagal
besar akan juga mencapai
kejayaan besar. “
- Robert Kennedy**



Selamat datang semua. Sebelum kita bermula, saya ingin menjelaskan pengenalan bagi ebook ini dan bagaimana anda dapat memanfaatkan sebolehnya dari segala ilmu yang ada di dalamnya.

Ebook ini akan membincangkan secara mendalam cara bagi anda membina sendiri dari pengetahuan sifar hingga berjaya **mencipta perusahaan menanam dan menjual cendawan tiram kelabu segar**. Ebook ini ditulis sepertimana siliburse Kursus Cendawan Tiram Kelabu kami yang ditawarkan di negeri Pahang dan Pulau Pinang sebelum ini.



Cendawan Tiram Kelabu atau nama saintifiknya *Pleurotus Sajur-Caju* ini popular di dalam menu makanan kita. Antara masakan popular menggunakannya adalah cendawan goreng, sup cendawan, claypot, tomyam dan lain-lain.

Ia adalah spesis cendawan yang disarankan ditanam oleh Jabatan Pertanian Malaysia kerana ianya sesuai dengan musim, iklim dan pasaran dalam negara kita.

Antara lubang jualan bagi cendawan tiram kelabu segar adalah di:

- Pasar tani
- Gerai makanan bergoreng / celup tepung

- Restoran makanan vegan
- Restoran masakan siam (tomyam)
- Pasaraya
- Ekspo pertanian
- Komuniti kejiranan
- Kantin / dewan makan

Berikut adalah contoh produk makanan berasaskan cendawan tiram kelabu. Setiap industri kecil sederhana (IKS) yang menghasilkan produk-produk sebegini juga adalah sasaran prospek kepada perusahaan cendawan tiram kelabu segar.

Nasi Cendawan



Cendawan Goreng



Sup Cendawan



Sos Cendawan



Kerabu Cendawan



Roti Sardin Cendawan

Besar potensi jualan dan bekalan cendawan tiram kelabu ini di Malaysia dan juga kawasan tempatan anda. Bahkan menurut kajian, Malaysia memerlukan lebih 100 tan cendawan tiram kelabu sehari dan kita masih mengimport majoriti peratusan besar dari jumlah ini bagi pasaran dalam

negara. Pendek kata, kita memerlukan lebih ramai lagi pengeluar cendawan tiram kelabu segar untuk memenuhi keperluan harian negara.

Berikut adalah 8 bab yang kita akan lalui satu per satu bagi memastikan anda mendapat 'full picture' cara berjaya di dalam bisnes ini:

1. Potensi Bisnes Cendawan

- Anda sedari potensi bisnes ini. Anda ukur diri anda (modal, masa dan fokus), dan ukur risiko yang mampu anda tanggung dan berapa potensi keuntungan yang mampu anda capai. Anda nampak peluang baik untuk anda? Jika ya, anda teruskan.

2. Persediaan Sebelum Bermula

- Sebelum terus terjun, anda kaji dahulu semua keperluan yang perlu ada sebelum anda bermula. Paling minima, pengetahuan asas perlu dikukuhkan pada masa ini. Mula secara kecil-kecilan juga adalah idea yang baik untuk anda 'cepat tangkap' selok belok bisnes ini.

3. Bina Rumah Cendawan

- Seterusnya, anda perlu pilih tempat yang sesuai dan mula siapkan rumah cendawan anda dan juga rak yang diperlukan bagi skala projek yang anda pilih.

4. Persiapan Sebelum Masuk Bongkah / Mula Musim

- Rumah dan rak dah ada, seterusnya adalah proses memastikan keadaan rumah cendawan kondusif bagi bongkah cendawan kelak. Pembersihan perlu dimulakan.

5. Mula

- Pada masa ini semua persiapan dah siap. Sebaik sahaja bongkah siap disusun di dalam rumah cendawan, anda sudah perlu terus mula mengurus dan mula berniaga.

6. Musim Pertama

- Seterusnya anda perlu tempuh musim pertama perniagaan anda. Di waktu ini, anda mula menyesuaikan diri dan pasaran dengan perusahaan anda ini. Fokus bagi waktu ini adalah memastikan perniagaan ini berjalan baik. Bab ini paling tebal kerana banyak butiran yang perlu dipelajari di sini.

7. Apa Langkah Seterusnya?

- Sesudah anda stabil dalam pengurusan dan operasi bisnes anda ini, anda sudah boleh mula merangka untuk menaiktarafkannya lagi. Terdapat beberapa cara di sini, dan anda perlu membuat keputusan mengenai masa hadapan bisnes seterusnya pada ketika ini.

8. Cara Kembangkan Bisnes

- Langkah seterusnya adalah menggandakan skala bisnes anda secara lebih agresif. Ada 4 cara anda boleh ikuti untuk terus laju di dalam industri ini.

Secara ringkasnya anda akan lalui:

- a) Penambahan ilmu dan kemahiran
- b) Mula di skala termampu
- c) Mula
- d) Tempuh dan biasakan diri
- e) Perancangan musim seterusnya
- f) Rangka rancangan perniagaan seterusnya

Susun pembacaan di sini adalah step by step, jadi adalah disyorkan kepada anda untuk mulakan bacaan dari hadapan ke belakang tanpa anda skip bab-bab tertentu. Jangan risau sekiranya anda orang baru atau sudah menjalankan perniagaan ini, saya pasti anda akan dapat idea baru dari ebook ini.

Buka minda anda, dan jom mula belajar :)

BAB 1: POTENSI BISNES CENDAWAN

Bab pertama bagi ebook ini adalah langkah pertama yang patut semua orang buat keputusan sebelum memulakan bisnes ini. Jika dibandingkan dengan meredah hutan, bab ini adalah cara bagaimana anda melihat peta dan buat keputusan arah mana yang anda akan tujui. Dalam bab ini, anda buat keputusan mana yang anda akan tuju dan buat pelan bagi bergerak ke arah itu.

Bagi anda yang telah mendownload ebook percuma kami berjudul Potensi Bisnes Cendawan Mengikut Kemampuan Anda, anda mungkin sedikit sebanyak telah kami dedahkan dengan isi kandungan bab ini. Ebook percuma ini menerangkan secara mendalam bagaimana anda boleh membuat keputusan terbaik bagaimana anda boleh menceburi bidang perusahaan cendawan ini mengikut keadaan anda sekarang.

Anda belum download ebook ini dan ingin download? Klik link di bawah ye. Percuma sahaja.



Download Ebook PERCUMA Mengetahui Potensi Bisnis Cendawan Mengikuti Kemampuan Anda

<https://bit.ly/3qGGSrF>

Bab ini akan menceritakan secara ringkas apa yang diceritakan di dalam ebook di atas. Jom mula buat keputusan skala bisnes cendawan mana yang sesuai untuk kita.

SYARAT KEADAAN ANDA

Sepertimana taraf kehidupan dan pendapatan kita yang berbeza. Kapasiti setiap kita untuk memulakan perniagaan juga berbeza. Nasihat yang berguna pada individu A, mungkin langsung tidak relevan bagi individu B.

Jadi bagaimana kita hendak membuat keputusan yang baik?

1. Mengetahui sumber-sumber yang ada pada anda dengan tepat
2. Nilai pilihan yang terbaik ikut kemampuan anda

3. Buat keputusan yang paling sesuai dengan anda dengan mengambil kira perkara 1 dan 2.

Ada 4 kriteria untuk anda nilaikan kapasiti diri anda untuk memulakan bisnes cendawan ini iaitu:

1. Berapakah modal yang mampu anda keluarkan?
2. Berapa jam anda boleh luangkan sehari?
3. Berapa luaskah ruang yang anda boleh gunakan?
4. Adakah anda kerja sendiri atau ingin gajikan pekerja?

Perbezaan keempat-empat kapasiti di atas ini membezakan sesama kita dengan maksima skala projek yang kita boleh mulakan. Ada orang yang banyak modalnya tetapi tidak dapat meluangkan banyak masa. Ada yang sedikit modal tetapi dapat memberi komitmen tinggi dalam usaha ini. Lainkan?

PENGENALAN 4 FASA PROJEK

Selepas anda mengenalpasti keempat-empat sumber di atas mengikut kemampuan anda, kita perlu memadankannya dengan fasa yang bersesuaian dengan anda. Terdapat 4 fasa skala projek cendawan tiram kelabu yang boleh anda jalankan iaitu:

- 1. FASA 1: Cubaan dan dalam proses belajar**
- 2. FASA 2: Rumah cendawan bina sendiri (DIY) dan belian bongkah**
- 3. FASA 3: Rumah cendawan baru ideal dan belian bongkah**
- 4. FASA 4: Rumah cendawan baru dan pembuatan sendiri bongkah**

Sekiranya anda seperti saya dahulu, bermodal kecil tetapi mempunyai masa terluang, anda mungkin perlu bermula dari Fasa 1 bergerak ke Fasa

4. Cara ini akan mengambil masa. Anda mungkin boleh bermula di fasa yang lebih tinggi.

Jadual di bawah menunjukkan ke semua fasa ini dan juga syarat-syarat keperluannya. Fasa 1 adalah cara termudah untuk bermula. Saya juga bermula dari fasa ini. Sekiranya anda kekurangan modal, anda boleh bermula dari sini dan terus mengumpulkan modal untuk membesarkan skala projek anda ke fasa seterusnya.

	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
Kemampuan Anda	Cuba	Rumah DIY	Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
Modal	Minima RM100	Minima RM300	Minima RM5,000 / Dana Bantuan	Minima RM5,000 / Dana Bantuan
Masa	1 jam sehari	2 jam sehari	6 jam sehari	8 jam sehari
Ruang	4 kaki persegi	10 kaki persegi	40 kaki persegi	40 kaki persegi
Pekerja	Sendiri	Sendiri	Sendiri / Pekerja	Sendiri / Pekerja

Berdasarkan semua sumber-sumber anda, anda sepatutnya sudah boleh membuat keputusan fasa mana yang sesuai untuk anda. Lihat jadual di atas untuk suaikan keadaan kemampuan anda dengan fasa yang sesuai. Pilih hanya satu fasa yang bersesuaian.

Di bawah pula adalah penerangan lebih lanjut mengenai setiap fasa:

1. FASA 1: Cubaan dan dalam proses belajar bagi skala 5 bongkah

- **Fasa ini wajib dilalui semua.** Ianya memerlukan kos terendah dan hanya memerlukan masa minima anda setiap hari. Ianya wajib kerana di fasa ini anda mula mencari ilmu berkaitan cara membangunkan bisnes cendawan anda. Anda sedang berada di fasa ini sekarang kerana anda sedang menjalani kursus secara online dengan membaca buku ini.
- **Bongkah percubaan** bagi yang membeli ebook ini akan dihantar terus ke alamat pilihan anda satu Malaysia. 5 biji bongkah ini anda perlu jaga dengan baik dengan mempraktikkan ilmu di dalam ebook ini. KPI anda dalam penjagaan bongkah pertama ini adalah mencapai hasil pengeluaran minima 140g per bongkah.
- Di fasa ini anda belum mengeluarkan hasil yang banyak. Tetapi pada masa ini anda sudah boleh buat posting media sosial mengenai perusahaan terbaru anda ini. Dari sini anda akan menemui beberapa prospek bagi bisnes anda kelak. Anda boleh kumpul database cara hubungi mereka ini sebagai senarai prospek untuk anda jualkan hasil cendawan segera anda di fasa seterusnya.
- Hasil yang anda dapati di fasa ini adalah kecil sahaja, mungkin hanya mencukupi untuk anda sendiri buat masakan di rumah anda. Ingat, fasa ini adalah fasa pembelajaran, dan anda belum terjun 100% ke dalam bisnes ini. Apa yang penting adalah anda **belajar dan praktikkan ilmu** di dalam buku ini untuk pastikan anda bersedia berkembang ke fasa seterusnya.

- Selepas menempuhi fasa ini, anda boleh terus ke fasa yang anda sasarkan, dengan syarat anda mempunyai ilmu dan sumber-sumber mencukupi.

2. FASA 2: Rumah cendawan bina sendiri (DIY) dan belian bongkah bagi skala 1,000 bongkah

- Kebanyakan peserta kami akan mensasarkan untuk berapa di fasa ini selepas melalui Fasa 1. Ini adalah kerana:
 - i. Keperluan minima untuk mula buat duit dengan bisnes cendawan. Kebiasaannya jumlah bongkah yang dibeli adalah bersamaan dengan jumlah keperluan pasaran yang mampu peserta tembusi.
 - ii. Kemahiran yang diperlukan hampir sama dengan Fasa 1. Cuma hanya pada skala yang lebih besar.
 - iii. Fasa ini tidak memerlukan peserta untuk membuat bongkah sendiri. Pembuatan bongkah sendiri memerlukan modal permulaan yang agak besar dan mempunyai risiko kegagalan awal yang lebih tinggi.
 - iv. Kebiasaannya, peserta hanya menggunakan apa yang ada dan tidak meletakkan modal besar lagi bagi fasa ini. Hampir keseluruhan modal adalah pada bongkah. Rumah cendawan yang dibina adalah secara DIY dan ditempatkan pada ruang yang sedia ada di rumah peserta atau berdekatan dengannya.
- Berlainan dengan Fasa 1, kali ini anda perlu juga menambahkan tumpuan kepada rumah cendawan anda. Pada fasa ini, jumlah bongkah yang diusahakan bertambah, ini menjadikan keadaan optimum rumah cendawan menjadi

lebih penting untuk memastikan semua bongkah menghasilkan pengeluaran terbaik dan bebas penyakit.

3. FASA 3: Rumah cendawan baru ideal dan belian bongkah bagi skala 5,000 bongkah

- Fasa kali ini kebiasaannya pada mereka yang serius ingin full time dalam bidang ini. Rumah cendawan yang dibina adalah memenuhi syarat optimum perusahaan ini dan mencukupi untuk menempatkan jumlah bongkah skala sederhana yang boleh menghasilkan pendapatan / keuntungan bulanan yang mencukupi buat pemilik.
- Penghasilan cendawan skala ini mencukupi untuk memenuhi tempahan mingguan semua bisnes yang anda boleh tembusi. Kebiasaannya, restoran tomyam, gerai pisang goreng dan kantin-kantin. Tempahan yang konsisten akan membolehkan anda menstabilkan jumlah jualan bulanan anda.
- Fasa ini masih tidak termasuk keperluan dan proses pembuatan bongkah sendiri. Jadi risiko untuk kerosakan bongkah yang dihasilkan tiada. Tetapi, peratus kecil kerosakan bongkah masih perlu dikira sebagai kos luar jangka anda.
- Saya kenal beberapa peserta yang bertahun-tahun di fasa ini tanpa berkembang ke Fasa 4 kerana mereka sudah berjaya bulan demi bulan, tahun demi tahun mengekalkan keuntungan mereka dengan baik. Jadi tiada sebab bagi mereka untuk ke Fasa 4.
- Input kepada projek di skala ini hanyalah bongkah cendawan dan juga bekalan bahan pembungkusan cendawan segar.

- Oleh kerana di Fasa ini anda akan mengharapkan bekalan bongkah dari pengeluar bongkah lain, adalah bagus anda mempunyai beberapa pengeluar di dalam senarai anda bagi memastikan bekalan bongkah tidak putus dan juga anda boleh bertukar-tukar pengeluar setiap musim bagi mengelakkan penyakit berulang.

4. FASA 4: Rumah cendawan baru dan pembuatan sendiri bongkah bagi skala 8,000 bongkah

- Fasa ini adalah fasa terbaik yang kita boleh capai untuk mengurangkan kebergantungan kita pada yang lain. Bongkah yang kita hasilkan sendiri akan hanya memerlukan kos minima bahan mentah, upah dan kos utiliti sahaja. Ia menjadikan kos per bongkah yang boleh anda capai adalah minima. Ini membolehkan anda meningkatkan margin keuntungan tanpa menaikkan harga.
- Input bagi perusahaan skala ini adalah seperti di bawah ini. Habuk kayu perlulah ditempah dari kilang-kilang kayu / perabut dan perlu diuruskan proses penghantarannya terus ke premis anda. Bahan 1 ke 3 adalah bahan asas pembuatan bongkah, manakala benih perlulah didapati dengan pembekal / pengimport benih berkualiti sahaja. Benih yang tidak memenuhi kualiti akan menghasilkan bongkah yang berkualiti rendah.
 - i. Habuk kayu getah
 - ii. Dedak
 - iii. Kapur pertanian
 - iv. Benih

- Kebiasaannya peserta yang menjalankan Fasa 2-3 terlebih dahulu selama beberapa tahun akan cepat berjaya di dalam Fasa 4 kerana pengalaman mereka mengenal simptom-simptom penyakit dan cara mengenalpasti kesihatan bongkah. Dua kemahiran ini sangat diperlukan dalam menghasilkan bongkah berkualiti.
- Kegagalan menghasilkan bongkah pada permulaan di Fasa 4 adalah biasa. Jangan putus asas. Anda perlu rujuk pada yang lebih pakar untuk mengetahui di mana salahnya. Saya pasti anda akan berjaya selepas itu.
- Disebabkan kos per bongkah menjadi minima, pengusaha di fasa ini memberikan pilihan untuk anda terus berkembang walaupun hanya menjual secara borong.

Ke-empat-empat fasa ini, adalah pembahagian fasa yang kami cadangkan untuk anda. Setiap satunya ada kelebihan dan kelemahan. Tetapi dengan mengetahui perjalanan ini, saya yakin anda dapat mengorak perjalanan anda secara lebih berisiko rendah dan juga lebih menguntungkan.

Kesemua fasa ini akan dipecahkan lagi kepada setiap fasa pembangunannya. Satu persatu akan kita bincangkan bagi memastikan setiap langkah anda sedikit sebanyak dimulakan terlebih dahulu dengan ilmu dan perancangan cara bertindak.

POTENSI SETIAP FASA

Jika subtopik sebelum ini membincangkan teknikal fasa-fasa ini, kali ini kita bincangkan pula apakah potensi setiap satunya pula. Potensi setiap

fasa akan dibincangkan dalam unit keuntungan yang boleh dicapai mengikut kepada skala (jumlah bongkah) yang sesuai bagi mencapai keuntungan di akhir musim.

Bagi menganggarkan keuntungan setiap skala perusahaan bisnis cendawan ini, kita perlulah mengambil kira prestasi pengeluarannya dahulu. Dengan cara ini, kita bukan hanya membincangkan hal bulan-bintang kejayaan hebat pengusaha idola kita, tetapi juga bagi yang mencuba tetapi gagal.

Kebiasaannya, kegagalan adalah disebabkan oleh prestasi pengeluaran cendawan yang terlalu sedikit. Tiada gunanya membina bisnis cendawan skala besar seperti Fasa 4, tetapi hanya dapat mengeluarkan 20% hasil pengeluaran kerana pelbagai masalah penyakit dan sebagainya.

Bagi memudahkan kiraan, kita akan bahagikan prestasi pengeluaran cendawan tiram kelabu segar bagi projek-projek yang bakal anda lakukan kepada 3 tahap:

- 1. Prestasi Pengeluaran Minima: Purata 140g / bongkah**
- 2. Prestasi Pengeluaran Sasaran: Purata 180g / bongkah**
- 3. Prestasi Pengeluaran Maksima: Purata 200g / bongkah**

Prestasi bersamaan atau lebih dari 180g per bongkah saya anggap sebagai sasaran utama bagi kita mengusahakan bisnis cendawan ini. Kurang dari ini, boleh dianggap tidak mencapai sasaran dan berisiko untuk rugi. Lebih dari tahap ini pula boleh menjamin keuntungan anda bagi musim tersebut.

Ada kemungkinan musim demi musim berubah prestasi anda disebabkan perubahan iklim, ancaman penyakit dan kualiti bongkah yang tidak

konsisten. Tetapi adalah bagus jika anda mensasarkan 180g per bongkah setiap musim bagi mendapat keuntungan berterusan dan terus survive di bidang ini.

Berikut adalah mengapa prestasi yang anda dapati kurang dari sasaran 180g per bongkah:

- Bongkah berkualiti rendah samada disebabkan benih lemah, salah cara mengukus, atau campuran salah.
- Suhu, kelembapan dan pengudaraan tidak optimum di dalam rumah cendawan.
- Cuaca yang sentiasa panas (kebiasaannya disebabkan iklim ketika itu)
- Penyakit menjangkiti terlalu banyak bongkah
- Jangkitan hama yang memakan misellium (akar halus cendawan)
- Asap atau pewangi buatan sering terdedah pada cendawan. Inilah sebab kenapa disyorkan hanya seorang yang boleh memasuki rumah cendawan kita.
- Kontaminasi spesis cendawan lain
- Tidak menjalankan Standard Operating Procedure (SOP) dengan lengkap dan betul. Kebersihan rumah cendawan, pengurusan bongkah dan kawalan keadaan rumah cendawan semuanya memerlukan SOP yang baik untuk ianya menjadi optimum pada cendawan.
- Rumah cendawan terlalu hampir atau berada di tempat yang sangat sesuai buat perosak cendawan. Sebagai contoh berdekatan dengan reban ayam yang mempunyai banyak sisa organic yang menjadi tempat pembiakan hama.

Berikut pula adalah beberapa sebab kenapa ramai pengusaha mencapai pengeluaran melebihi 180g per bongkah:

- Amalan SOP yang ketat dan berterusan. Sekiranya menggunakan pekerja, disiplin dan laporan harian dijadikan rujukan buat prestasi.
- Rumah cendawan sangat optimum untuk cendawan itu sendiri. Ada yang sehingga sanggup menghabiskan ribuan malahan puluhan ribu ringgit untuk memastikan suhu, kelembapan dan pengudaraan paling optimum supaya pengeluaran cendawan sentiasa ada dan mencukupi bagi memenuhi kehendak pasaran.
- Kemahiran pengusaha / pekerja yang dapat mengesan awal segala simptom penyakit pada bongkah dan mengasingkannya sebelum ia menjangkiti bongkah yang lain
- Cuaca dan iklim menyebelahi mereka di tapak rumah cendawan
- Leher bongkah dibersihkan selalu tanpa sisa akar cendawan yang dituai sebelum ini. Semakin kotor dalam leher bongkah ini, semakin tinggi kemungkinan jangkitan penyakit, kontaminasi dan juga serangan serangga.
- Pengusaha sentiasa up to date dengan teknik terbaru samada dengan cara berguru dengan mentor atau terlibat dengan komuniti pengusaha yang bermanfaat
- Penggunaan benih (benih, bukan bongkah sahaja ye) yang terbaik. Teknologi benih tidak statik. Malahan sentiasa ada kajian terbaru mengenainya dan sentiasa ada benih yang lebih kuat dan sesuai dengan iklim kita. Pengusaha yang berkemahiran sentiasa mencari dan mementingkan benih terbaik yang boleh mereka dapati. Benih yang baik mengeluarkan hasil yang banyak dan juga mempunyai daya tahan penyakit yang lebih kuat dari benih biasa.

Baik, anda sudah tahu Key Performance Indicator (KPI) yang perlu anda capai kan? Sekarang anda perlu tahu pula cara kiraan pengeluaran cendawan tiram kelabu yang betul pula. Ianya sangat penting.

Dengan mengetahui caraan kiraan yang betul ini, anda boleh kenalpasti samada pembekal bongkah cendawan yang anda beli itu scammer ataupun tidak. Mereka janjikan bulan bintang pengeluaran semusim dengan rujukan hanya satu bongkah yang sangat besar kelopaknya? Ada kemungkinan mereka sendiri tidak mahir cara kiraan yang betul dan perangkaan unjuran keuntungan yang diberi mereka salah.

Pengiraan pengeluaran setiap bongkah yang salah kebiasaanya melibatkan satu atau lebih anggapan di bawah ini:

- Semua bongkah mengeluarkan hasil yang sama
- Penyakit tidak wujud
- Serangan serangga tidak wujud
- Semua bongkah akan hidup sepanjang durasi musim
- Sekiranya satu bongkah hasilnya sebanyak ini, maka setiap kali hasil akan keluar hasil sebanyak itu juga
- Tuaian pertama adalah sama dengan setiap tuaian seterusnya
- Bulan pertama dan bulan keempat atau seterusnya sama sahaja hasil pengeluaran

Disebabkan oleh anggapan di atas ini, banyak beginner yang tertipu dengan scammer dalam bidang ini. Ada sesetengah pengeluar bongkah yang saya setuju bukan scammer tapi masih menggunakan hujah bulan bintang bagi memastikan jualan bongkah mereka habis sold out setiap kali. Ini perbuatan tidak beretika dan perlu dielak.

Semasa saya bermula dahulu, 'guru' ketika itu menganjurkan untuk kami menggunakan kiraan 300-500g sebongkah hasil. Saya tertipu. Mengikut kiraan ini, keuntungan kita berbanding modal adalah antara 2 ke 3 kali ganda. Sangat menguntungkan dan menjamin anda kaya raya dalam masa seawal setahun saja. Hehe. Aduh.. Itulah zaman kebodohan saya. Saya harap semua tidak tertipu seperti saya.

Kiraan sebetulnya dan contoh pengiraan yang betul adalah sebegini:

1. Pada tarikh tertentu, anda membeli sebilangan bongkah dan dimasukkan ke dalam rumah cendawan anda
 - 1 Januari 2020 – 5,000 bongkah dibeli dan dimasukkan ke dalam rumah cendawan
2. Setiap hari / setiap kali tuai, anda akan catatkan jumlah berat tuaian ke dalam buku rekod
 - 5 Januari 2021: 10 kg
 - 6 Januari 2021: 7 kg
 - 7 Januari 2021: 11 kg
 - ... dan seterusnya setiap hari.
3. Setelah semua bongkah tidak berhasil lagi / sudah sampai durasi musim anda berakhir, semua jumlah tuaian dikira dari tarikh pembelian bongkah sehingga sekarang.
 - 1 Jun 2021: 0.1 kg hasil sahaja
 - 2 Jun 2021: tiada hasil
4. Jumlah tuaian cendawan tiram kelabu segar sepanjang musim ini dibahagikan dengan jumlah bongkah yang dibeli pada permulaan
 - Jumlah keseluruhan tuaian: 750 kg
 - Jumlah bongkah dibeli: 5,000 bongkah
 - Kiraan hasil / bongkah:

$$i. \frac{750 \text{ kg}}{5,000 \text{ bongkah}} = 144 \text{ g/bongkah}$$

Contoh di atas menunjukkan pengeluaran hanya 144g per bongkah semusim. Bagi mencapai 180g per bongkah, jumlah tuaian sepatutnya adalah 900kg sepanjang musim. Sekiranya di atas ini adalah prestasi anda, da nada di skala Fasa 3 dan menjual borong, anda sepatutnya sudah kerugian dan perlu meningkatkan lagi usaha bagi musim berikutnya. Sebaliknya sekiranya anda di Fasa 4 dan juga menjual secara borong, anda berkemungkinan sudahpun untung.

Kurang faham? Baik jom teliti jadual pengiraan bagi anggaran pengeluaran minima 140g pada semua fasa. Perbezaan boleh didapati mengikut fasa mana yang anda pilih dan juga cara anda tetapkan harga jualan anda (samada borong atau runcit).

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	Rumah DIY		

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	1.40	1.40	1.40	1.40
	Sale (RM/musim)	7.00	1,400.00	7,000.00	11,200.00
	Untung (RM/musim)	-3.00	-400.00	-2,000.00	3,200.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	2.24	2.24	2.24	2.24
	Sale (RM/musim)	11.20	2,240.00	11,200.00	17,920.00
	Untung (RM/musim)	1.20	440.00	2,200.00	9,920.00

*Bagi anggaran minima **140** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Bagi pengeluaran minima 140g sahaja semusim, anda boleh dapati di atas, menurut blok berwarna emas (emas bersamaan untung, merah gelap bermaksud kerugian), sekiranya jualan dibuat pada harga borong, hanya Fasa 4 mencatatkan keuntungan bagi musim tersebut. Walaubagaimanapun, setiap fasa mencipta keuntungan sekiranya jualan dibuat secara runcit.

Harga jualan runcit bermaksud anda menggunakan harga seperti mana di pasar-pasar tani. Ini adalah harga tertinggi yang boleh dicapai. Setiap negeri mempunyai perbezaan harga runcit dan borong. Berikut adalah

contoh harga runcit cendawan tiram kelabu segar bagi 3 negeri contoh di bawah:

- Pulau Pinang: RM12/kg
- Pahang: RM16/kg
- Kelantan: RM8/kg

Harga di atas adalah benar setakat buku ini ditulis, dan ia berkemungkinan naik atau turun mengikut jumlah permintaan dan bekalan pasaran. Harga jualan di pasaraya berkemungkinan lebih rendah kerana kebiasaannya ia dibekalkan oleh perusahaan cendawan yang berskala besar (100,000 bongkah ke atas). Saya cadangkan bagi yang baru bermula untuk elakkan perang harga kerana kita belum lagi mampu bersaing di tahap ini.

Setakat 140g per bongkah, setahun (sekiranya 3 musim penuh), anda boleh mencapai unjuran untung / rugi seperti di bawah ini:

1. Jualan borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Rugi -RM9**
 - b. Fasa 2: **Rugi -RM1,200**
 - c. Fasa 3: **Rugi -RM6,000**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM9,600**
2. Jualan runcit RM16/kg:
 - a. Fasa 1: **Untung +RM3.60**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM1,320**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM6,600**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM9,600**

Bagaimana pula sekiranya anda berjaya mencapai sasaran 180g per bongkah yang kita tetapkan tadi?

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	Rumah DIY		

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	1.80	1.80	1.80	1.80
	Sale (RM/musim)	9.00	1,800.00	9,000.00	14,400.00
	Untung (RM/musim)	-1.00	0.00	0.00	6,400.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	2.88	2.88	2.88	2.88
	Sale (RM/musim)	14.40	2,880.00	14,400.00	23,040.00
	Untung (RM/musim)	4.40	1,080.00	5,400.00	15,040.00

*Bagi anggaran minima **180** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Seperti yang diterangkan di dalam jadual di atas, hampir setiap fasa berpotensi untuk mengelakkan kerugian sekiranya mencapai 180g per bongkah. Dengan kos bongkah maksima RM1.80 (anggaran bagi belian 1,000 bongkah ke atas), prestasi di tahap ini mampu menghasilkan jualan antara RM1.80 – 2.88 per bongkah. Sekiranya anda berkemampuan menjual secara runcit, di tahap ini anda sudah mampu mencatatkan keuntungan musim dan juga tahunan.

Berikut adalah potensi keuntungan / kerugian tahunan bagi prestasi 180g per bongkah:

1. Jualan borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Rugi -RM3**
 - b. Fasa 2: **Balik modal sahaja**
 - c. Fasa 3: **Balik modal sahaja**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM19,200**
2. Jualan runcit RM16/kg:
 - a. Fasa 1: **Untung +RM13.20**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM3,240**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM16,200**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM45,120**

Dengan anggaran keuntungan seperti di atas ini, saya pasti anda sudah boleh merangkan rancangan perniagaan untuk membina pendapatan buat anda tak kisah la samada secara full time (Fasa 3 atau 4) atau secara part time (Fasa 2).

ANGGARAN KIRAAN UNJURAN KEWANGAN PERUSAHAAN CENDAWAN TIRAM KELABU	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
			Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
	Cuba	Rumah DIY		

Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Borong	Sale (RM/kg)	10.00	10.00	10.00	10.00
	Sale (RM/bongkah)	2.00	2.00	2.00	2.00
	Sale (RM/musim)	10.00	2,000.00	10,000.00	16,000.00
	Untung (RM/musim)	0.00	200.00	1,000.00	8,000.00

Runcit	Sale (RM/kg)	16.00	16.00	16.00	16.00
	Sale (RM/bongkah)	3.20	3.20	3.20	3.20
	Sale (RM/musim)	16.00	3,200.00	16,000.00	25,600.00
	Untung (RM/musim)	6.00	1,400.00	7,000.00	17,600.00

*Bagi anggaran minima **200** g/bongkah semusim

*Anggaran semusim adalah 3-6 bulan bergantung kepada strategi

Bagi skala 200g per bongkah pula, keuntungan tahunan adalah cukup besar dan boleh menjamin survival anda ke musim seterusnya.

1. Jualan borong RM10/kg:
 - a. Fasa 1: **Balik modal sahaja**
 - b. Fasa 2: **Untung +RM600**
 - c. Fasa 3: **Untung +RM3,000**
 - d. Fasa 4: **Untung +RM24,000**
2. Jualan runcit RM16/kg:
 - a. Fasa 1: **Untung +RM18**

- b. Fasa 2: **Untung +RM4,200**
- c. Fasa 3: **Untung +RM21,000**
- d. Fasa 4: **Untung +RM52,800**

Apakah perbezaan bagaimana ada yang mencapai hanya 100g per bongkah dan ada dengan mudahnya mencapai 200g per bongkah? Perbezaannya adalah mereka yang mencapai lebih lebih bersedia dari yang tidak mencapainya.

Bagaimana pula untuk kita jadi lebih bersedia? Fahamilah semua keperluan dan apa yang menambahkan pertumbuhan cendawan tiram kelabu. Bab-bab seterusnya akan menerangkan semua ini secara lebih mendalam. Tumpu perhatian, dan anda juga boleh berjaya.

INGIN MENDALAMI LEBIH LANJUT?

Seperti yang diterangkan di awal bab ini, penerangan penuh potensi dan anggaran keuntungan dari setiap fasa ini saya bukukan di dalam ebook percuma kami. Sekiranya anda terlepas dan ingin download ebook ini, sila klik di bawah:



**Download Ebook PERCUMA Mengetahui
Potensi Bisnes Cendawan Mengikuti Kemampuan Anda**

<https://bit.ly/3qGGSrF>

Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



“ 20 tahun akan datang anda akan lebih menyesali perkara yang anda tidak lakukan daripada apa yang anda telah buat. “

- Mark Twain



Sekiranya bab sebelum ini memberikan anda sedikit sebanyak pendedahan mengenai potensi bisnes cendawan ini, anda sepatutnya sudah membuat keputusan fasa mana yang bersesuaian dengan anda. Jadi, langkah seterusnya adalah bergerak selangkah lagi ke arah impian anda itu.

Di dalam bab ini pula, kita akan pelajari apa persiapan yang perlu disediakan sebelum anda bermula. Kali ini kita akan bincangkan langkah-langkah yang anda perlu lalui dahulu sebelum mula melaburkan wang dan masa anda lebih lanjut ke dalam perusahaan ini.

Bab ini jarang disentuh di dalam kursus-kursus cendawan kerana kebiasaannya kursus asas penanaman cendawan sudah pastinya hanya akan fokus pada emm... asas penanaman cendawan. Tetapi seperti anda tahun, sesiapa saja boleh memulakan perniagaan, tetapi hanya sebahagian yang berjaya kan?

Kejayaan di dalam pertanian adalah sama sahaja dengan kejayaan di dalam bisnes. Ini kerana, pertanian juga satu perniagaan.. Oleh sebab ini, sepertimana perniagaan, segala aktiviti perusahaan pertanian juga perlu berakhir dengan keuntungan. Jadi kita perlu pastikan segala usaha kita ini menjurus ke arah ini.

Bab ini akan menceritakan strategi sebelum bermula dan cara bagaimana mengenalpasti pasaran yang boleh anda tembusi dan cipta keuntungan.

BAB 2: PERSEDIAAN SEBELUM BERMULA

Menurut fasa yang anda pilih sebelum ini, anda kena pula buat keputusan saiz perusahaan anda ini dengan tepat supaya keuntungan semudah yang mungkin. Jika anda bina bisnes ini terlalu kecil dari permintaan, keuntungan anda mungkin tidak optimum padahal anda sepatutnya boleh capai lebih lagi. Dan sekiranya anda memulakan pada skala yang lebih besar dari permintaan, kemungkinan besar jualan menjadi sukar kerana lubuk jualan samada terlalu kecil atau terlalu jauh.

Sama seperti kursus perniagaan yang ditaja kerajaan, pembinaan rancangan perniagaan adalah lebih penting dari bertindak terburu-buru terjun ke dalam dunia perniagaan kan?

Bagi mencapai tujuan anda menetapkan kompas halatuju perusahaan anda ini, ada 4 langkah diperlukan:

1. Cari Ilmu Dahulu
2. Semak Permintaan Pasaran
3. Mula Kecil-Kecilan
4. Cari Komuniti

Setiap langkah ini tidak kompleks, tetapi semakin anda memberikan banyak focus padanya, lebih tepat halatuju anda ke arah pembinaan pendapatan konsisten di bidang ini.

CARI ILMU DAHULU

Ebook yang anda sedang baca ini mengajarkan cara bagaimana anda berjaya dalam perniagaan cendawan. Tetapi ianya tidak akan menyentuh semua kemahiran teknikal secara penuh. Ianya asas yang mencukupi untuk anda bermula, tetapi saya tetap sarankan anda mencari lagi ilmu

dunia perusahaan cendawan ini supaya minda anda terbuka kepada ilmu-ilmu baru yang boleh menjamin atau memudahkan perjalanan anda ke arah kejayaan.

Buat permulaan, saya berharap anda dapat habis membaca ebook ini dan ianya cukup bagi anda buat masa ini. Sepertimana kursus fizikal, antara perkara asas (teori dan pengenalan) yang diajarkan adalah:

1. Asas cendawan tiram kelabu *(Bab 1 ebook ini)*
2. Asas penjagaan bongkah *(Bab 5 dan 6 ebook ini)*
3. Asas penjagaan rumah cendawan *(Bab 3 dan 4 ebook ini)*
4. Pengurusan hasil segar *(Bab 2 dan 6 ebook ini)*
5. Strategi perniagaan *(Bab 1, 7 dan 8 ebook ini)*

Setiap satu ini juga disentuh di dalam ebook ini. Jadi ia sebenarnya sedikit sebanyak adalah juga kursus asas penuh buat anda. Sebagai tambahan, ebook ini menambahkan elemen asas perniagaan supaya anda tidak sahaja belajar cara menjadi petani berjaya, malahan seorang usahawan berjaya hendaknya.

Sekiranya anda ingin sertai kursus secara fizikal dan mengenali kami lebih lanjut, kami juga menawarkan kursus fizikal di dua negeri iaitu di Pahang dan juga di Pulau Pinang.

Kelebihan anda menyertai kursus fizikal adalah anda boleh terus bertanya pada para pengajar dan rasai sendiri pengalaman berada di premis pengeluaran bongkah dan juga rumah cendawan yang sedia ada berjaya dan bertahan lama.

Walaupun, penularan COVID-19 ini menjadikan perlaksanaannya semakin sukar. Tarikh kursus sebenar akan diberitahu kemudian kerana ia bergantung kepada arahan terkini Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) oleh kerajaan. Anda boleh klik link di bawah ini untuk mengetahui dan tempah tempat anda:

KURSUS CENDAWAN DI PAHANG
ASAS TANAMAN CENDAWAN TIRAM KELABU SECARA KOS MINIMA

NEGERI PAHANG

FREE eBook Panduan

FREE Bongkah Cendawan

FREE Produk Hiliran

Anjuran: COOL LAT.com, Kemajuan Organik Bersama, CENDAWAN BERSAMA, SabunWarisanBumi.com, OEM Mampu Milik bagi Usahawan

Jemputan: JABATAN PERTANIAN

Kursus Cendawan Pahang

<http://sabunwarisanbumi.com/kursus-cendawan-pahang>

KURSUS CENDAWAN DI PENANG
ASAS TANAMAN CENDAWAN TIRAM KELABU SECARA KOS MINIMA

NEGERI PENANG

FREE eBook Panduan

FREE Bongkah Cendawan

FREE Produk Hiliran

Anjuran: COOL LAT.com, Kemajuan Organik Bersama, CENDAWAN BERSAMA, SabunWarisanBumi.com, OEM Mampu Milik bagi Usahawan

Jemputan: JABATAN PERTANIAN

Kursus Cendawan Pulau Pinang

<http://sabunwarisanbumi.com/kursuscendawanpenang>

SEMAK PERMINTAAN PASARAN

Bagi memudahkan pemahaman, mari kita gunakan contoh kedai runcit. Sebelum membina satu kedai runcit, pemilik berkenaan perlu memastikan semua modal yang dikeluarkan betul-betul berbaloi. Seboleh mungkin, pemilik mestilah merancang untuk kedainya sentiasa mendapat jualan besar. Bagaimana untuk memastikan jualan masuk yang besar dan berterusan?

1. Permintaan yang mencukupi
2. Bekalan yang mencukupi

Jadi untuk perkara 1, pemilik mestilah mengira berapa ramai penduduk di sekeliling kedai berkenaan. Dari situ dia dapat menganggarkan berapa besarkan kedai runcit yang patut dibukanya.

Bila dia sudah mengetahui skala perniagaan yang patut dibinanya, kemudian dia perlu memastikan stoknya cukup untuk memenuhi segala permintaan tersebut. Ringkaskan? Begitulah juga bagi perusahaan cendawan.

Dan ini langkah-langkah bagaimana anda boleh buat untuk ukur sendiri permintaan cendawan tiram kelabu segar bagi kawasan anda:

1. Buat posting teaser di media sosial
2. Mula hebahkan kepada jiran-jiran dan kawan-kawan anda
3. Buat posting mengenai tanaman cendawan anda
4. Hadiahkan cendawan segar kepada prospek berkualiti
5. Kumpulkan database dan ukur permintaan

Fokus utama aktiviti di atas ini adalah **mengukur berapa jumlah cendawan segar diperlukan dan frekuensi tempahan yang boleh**

dijangka kelak. Kaedah ini jarang dibincangkan, tapi adalah lebih baik anda mula membuat marketing sebelum bisnes dilaksanakan sepenuhnya lagi. Sediakan payung sebelum hujan. Bahkan menurut pengalaman kami, pengusaha yang sentiasa sold out stok cendawan mereka adalah kerana mereka aktif membuat pemasaran (marketing). Anda juga patut buat yang sama.

Baik kita ulang semula langkah-langkah di atas ini tetapi dengan lebih spesifik.

1. Buat posting teaser di media sosial

- Teaser adalah pendedahan produk secara samar-samar sebelum waktu pelancaran produk tersebut. Tujuannya adalah memastikan prospek tertunggu-tunggu akan ketibaan produk.
- Gunakan gambar sedia ada di internet dan letak sedikit perkataan untuk menggambarkan cendawan segar dan masukkan perkataan “nantikan..”. Anda boleh gunakan website seperti [canva.com](https://www.canva.com) untuk edit gambar dan letakkan perkataan.
- Upload gambar sebegini ke dalam media sosial anda supaya anda mendapat perhatian kawan-kawan dan orang yang terdekat. Kenalan kita kebiasaannya sedia memberi sokongan kepada kita.

2. Mula hebahkan kepada jiran-jiran dan kawan-kawan anda

- Hebahan kali ini pula bertujuan untuk menarik minat prospek berkualiti untuk terus mengikuti anda. Untuk tujuan ini, anda perlu mencari idea untuk anda hebahkan yang akan menarik prospek berkualiti iaitu orang yang anda jangka akan menjadi pelanggan cendawan segar anda kelak.

- Antara hebahan menarik bagi prospek berkualiti:
 - i. Resepi masakan berasaskan cendawan tiram kelabu
 - ii. Foto masakan berasaskan cendawan yang nampak sedap
 - iii. Foto cendawan segar
 - iv. Perkongsian berkaitan dengannya dari internet
- Semua idea atau rujukan untuk anda hebahkan ini boleh didapati di internet atau anda boleh buat sendiri posting berkaitan dengannya.
- Hebahan boleh dilakukan secara online dan juga secara bersemuka seperti kaedah di bawah ini:
 - i. Bersembang bersemuka dengan kenalan dan jiran-jiran
 - ii. Beri sampel produk kepada mereka sekiranya ada
 - iii. Gunakan media sosial anda yang aktif seperti facebook dan whatsapp group / story
- Proses di waktu ini masih lagi belum menjual. Jadi lakukan secara soft sell (tidak langsung). Yang penting adalah membina hubungan baik dan memastikan mesej yang mengatakan anda mengusahakannya sampai pada mereka.

3. Buat posting mengenai tanaman cendawan anda

- Lakukan langkah ketiga setelah anda sudah mulakan bisnis cendawan ini. Anda boleh buat hebahan mengenai apa yang sedang anda usahakan ini.
- Ada sedikit tips di sini. Anda inginkan prospek pembeli cendawan segar anda dan bukannya ingin menarik orang lain untuk sama-sama mengusahakannya. Oleh sebab ini, pastikan hebahan anda lebih kepada produk anda iaitu cendawan segar dan kurang mengenai rutin harian anda.

- Antara idea hebahan yang bagus ketika ini:
 - i. Foto cendawan siap bungkus dan dilabel dengan harga dan nombor telefon anda
 - ii. Foto masakan anda dengan resepi ringkas untuk orang yang berminat beserta dengan cara menghubungi anda
 - iii. Gambar anda memegang cendawan segar
- Setiap hebahan ini sepatutnya disertai dengan cara menghubungi anda. Ada dua cara:
 - i. Secara bersemuka (face to face):
 - Dengan ayat contoh seperti “ boleh hubungi saya terus kalau berminat.. “ bagi kenalan sedia ada kita
 - Dengan memberi samada kad bisnes, flier atau apa-apa media dicetak dengan maklumat cara menghubungi anda
 - ii. Secara online dengan menggunakan link untuk diklik:
 - Link whatsapp yang boleh diklik dan akan mereka akan terus whatsapp nombor anda. Caranya adalah:
 - a. Copy link ini: **wasap.my/60164092053/cendawansegar**
 - b. Ubah nombor telefon di atas dengan nombor telefon anda yang ada perisian Whatsapp
 - c. Perkataan di hujung sekali itu boleh diubah mengikut kesesuaian anda
 - d. Setelah siap link anda, anda boleh cuba copy dan hantarkan kepada diri sendiri atau

sesiapa sahaja untuk dicuba. Sekiranya percubaan berjaya, anda sudah boleh menggunakan link ini di hujung ayat di dalam semua hebahan anda.

4. Hadiahkan cendawan segar kepada prospek berkualiti

- Bagi para kenalan dan jiran-jiran, kebiasaannya cara ini paling efektif untuk mendapat feedback dan juga jualan. Mereka ini antara sokongan pertama anda sebelum anda mula berkempen ke skop kawasan lebih luas. Hargai mereka ini kerana mereka rapat dengan anda dan mereka minat dengan produk anda!
- Pemberian hadiah sebegini akan membina imej positif buat anda dan mereka akan lebih rapat dan terbuka dengan anda. Catatkan mereka yang anda anggap prospek berkualiti dan cara menghubungi mereka.

5. Kumpulkan database dan ukur permintaan

- Sekiranya anda buat langkah 1 sehingga sekarang dan anda mulai dapat terlalu banyak order, jangan risau. Itulah tujuannya. Kita mahu mengukur berapa banyak permintaan yang benar-benar kita boleh buat jualan, dan bukannya anggaran kosong semata-mata. Beri alasan stok anda tidak mencukupi dan akan hubungi mereka kemudian bila ia sudah ada.
- Ini adalah langkah terakhir. Di waktu ini anda hanya perlu mencatatkan semua maklumat di bawah:
 - i. Nama
 - ii. Cara menghubungi mereka

- iii. Jumlah cendawan segar yang mereka perlukan (anggaran sekiranya tiada matlumat penuh)
- iv. Frekuensi anggaran tempahan dari mereka (setiap hari, setiap minggu, sebulan sekali, atau hanya sekali sekala)
- Jumlahkan kesemua permintaan berdasarkan survey di atas ini. Kira jumlah yang diperlukan sehari, seminggu dan sebulan. Sekiranya masih ramai anda belum hampiri untuk survey, anda boleh mengagak mungkin beberapa peratus lagi pertambahan permintaan yang sangat relevan untuk anda tembusi.

Seperti anda sedari, teknik di atas ini adalah campuran teknik pemasaran dan juga jualan. Langkah-langkah ini anda akan ulangi semasa perusahaan anda dilaksanakan sepenuhnya juga. Prospek berkualiti perlu sentiasa dicari bagi terus menerus mengembangkan dan menstabilkan perniagaan anda ini.

Dari matlumat angka permintaan yang didapati tadi, kita perlu buat keputusan saiz skala projek yang sesuai dijalankan. Angka utama yang anda perlu fokus adalah, berapakah permintaan sehari, seminggu dan sebulan.

Jadual di bawah adalah hanya anggaran dan bukanlah tetap. Ia mungkin lebih dan kurang dari apa yang anda akan capai bergantung kepada pelbagai faktor. Kiraan kali ini saya menggunakan kiraan musim pendek 3 bulan sahaja (bagi memuatkan 3 musim setahun, siri 3 bulan hasil 1 bulan rehat). Tetapi anda boleh gunakan angka ini untuk membuat keputusan fasa yang anda patut mulakan. Gunakan tahap pengeluaran sasaran 180g/bongkah sekiranya anda bercadang untuk menjalankan skala 5,000 bongkah atau kurang.

**SKALA PROJEK DAN
ANGGARAN SASARAN
PENGELUARAN CENDAWAN
SEGAR**

	FASA 1	FASA 2	FASA 3	FASA 4
	Cuba	Rumah DIY	Rumah Baru & Beli Bongkah	Buat Bongkah Sendiri
Est. Bongkah	5	1,000	5,000	8,000
Kos (RM/bongkah)	2.00	1.80	1.80	1.00
Kos (RM/musim)	10.00	1,800.00	9,000.00	8,000.00

Pengeluaran	Anggaran Pengeluaran Cendawan Segar (kg)				
Minima 140 g/bongkah	Sehari	0.0	1.7	8.3	13.3
	Seminggu	0.1	11.7	58.3	93.3
	Sebulan	0.2	46.7	233.3	373.3
	Semusim	0.7	140.0	700.0	1,120.0
Sasaran 180 g/bongkah	Sehari	0.0	2.1	10.7	17.1
	Seminggu	0.1	15.0	75.0	120.0
	Sebulan	0.3	60.0	300.0	480.0
	Semusim	0.9	180.0	900.0	1,440.0
Maksima 200 g/bongkah	Sehari	0.0	2.4	11.9	19.0
	Seminggu	0.1	16.7	83.3	133.3
	Sebulan	0.3	66.7	333.3	533.3
	Semusim	1.0	200.0	1,000.0	1,600.0

Sebagai contoh, sekiranya anda mendapati dari survey, anda boleh mendapatkan permintaan jualan berjumlah 2kg sehari secara runcit yang anda hantar secara COD pada pekerja di satu kilang elektronik berhampiran, jadi anda perlulah sekurang-kurangnya berada di Fasa 2, sekurang-kurangnya 1,000 bongkah dan mencapai sekurang-kurangnya 180g per bongkah.

Jadi modal anda dalam lingkungan RM1,800. Dan sekiranya sebagai contoh anda di Pulau Pinang dengan harga jualan runcit RM12/kg, jadi jualan harian adalah RM24 sehari. Sekiranya sebulan anda menghantar 30 hari, jumlah kasar jualan adalah RM720 iaitu bersamaan keuntungan RM120 sebulan.

Bagi contoh skala lebih besar pula, katakan anda yakin boleh mendapatkan jualan sebanyak borong 120kg seminggu di satu kilang kecil IKS membuat kerepek. Ia berjumlah RM4,800 jualan sebulan (bagi harga borong RM10/kg).

Jadi bagi melayan jualan secara borong banyak ini, baguslah anda bina bisnes cendawan skala Fasa 4 (iaitu buat sendiri bongkah, dengan sasaran pengeluaran 180g per bongkah. Modal anda di dalam lingkungan RM8,000 semusim dan keuntungan selepas ditolak modal ini semusim adalah RM6,400 semusim. Boleh tahan kan?

Setiap dari kita mungkin berbeza keperluan dan permintaan mengikut lokasi masing-masing, jadi oleh sebab itu anda perlu pastikan survey yang anda lakukan setepat yang mungkin dan anda buat keputusan mengikut sasaran pengeluaran cendawan segar yang anda boleh capai mengikut kemampuan anda (rujuk jadual di atas dan bab sebelum ini).

Tetapkan kompas anda dan terus gerak ke hadapan.

MULA KECIL-KECILAN

Bagi anda yang membeli ebook ini, anda sepatutnya akan menerima 5 bongkah percubaan anda dalam masa seminggu dari tempoh pembelian anda. 5 bongkah ini bukanlah bertujuan sebagai permulaan pada perusahaan anda, tapi hanyalah setakat bahan pembelajaran kita secara praktikal. Sekiranya anda tiada bongkah lain selain bongkah ini, anda sekarang berada di Fasa 1: Cuba.

Bagi Fasa 1 ini, saya cadangkan anda gunakannya sebaik mungkin untuk belajar sedalam yang boleh dan cuba dapatkan feel perniagaan sebenar

kelak. Pada waktu ini, anda mungkin banyak masa terluang berbanding selepas ini di fasa-fasa seterusnya. Masa ini patut anda gunakan untuk belajar semua asas menjalankan perusahaan cendawan tiram kelabu ini.

Setakat sekarang anda (yang membeli ebook ini) mempunyai akses kepada 3 rujukan utama bagi anda mentelaah sendiri mengikut keselesaan anda di rumah / online sahaja:

1. Ebook panduan penuh ini. Saya syorkan anda baca dari mukasurat depan ke belakang tanpa anda skip bab tertentu, kerana dengan cara ini anda akan ada pengetahuan mencukupi untuk berjaya dalam perusahaan ini. Pengetahuan adalah potensi kuasa.
2. Bongkah percubaan anda bagi tujuan praktikal menjaga bongkah. Pengetahuan ditambah dengan aplikasi menjadikannya kuasa buat anda berjaya.
3. Emel panduan 30 hari apa yang perlu anda lakukan untuk:
 - a. Menjaga bongkah percubaan anda
 - b. Persediaan untuk anda langkah ke fasa seterusnya
4. Akses menyertai grup Whatsapp bersama peserta lain untuk anda berkongsi perkembangan anda dan berinteraksi dengan pengusaha-pengusaha lain 1 Malaysia

Langkah demi langkah menguruskan bongkah percubaan atau bongkah yang anda beli sendiri tidak akan diceritakan secara detail di sini, kerana ia akan di ajarkan di dalam email coaching (perkara 3 di atas) nanti. Tetapi kita akan bincangkan strategi utama boleh kita lakukan semasa masih lagi baru di dalam bidang ini.

Bagaimana untuk menjadi kompetitif ketika baru sahaja bermula?

1. Bina nama / branding seawal mungkin

- Tiada masalah anda masih kecil. Kebanyakan petani adalah berskala kecil. Yang penting adalah anda berjaya tembusi pasaran dan berjaya hasilkan keuntungan. Setiap jualan yang dibuat, setiap orang yang anda pernah kenalkan bisnes anda semuanya akan bertambah hari demi hari. Sedar tak sedar, lama-lama anda sudah menjadi pembekal utama di kawasan anda.
- Bina nama dan diri dengan cara:
 - i. Nama anda semakin popular hasil daripada pertambahan jualan, pertambahan skala pengeluaran anda, pertambahan prospek yang anda pernah bersemuka dan juga hebahan mulut ke mulut pelanggan yang sangat berpuas hati dengan anda.
 - ii. Anda boleh kenalkan diri dengan menambahkan nama produk di belakang nama anda. Sebagai contoh, kenalkan diri sebagai Din Cendawan.
 - iii. Hebahkan bisnes kad dengan nama anda dan juga kompeni
- Bina kompeni dengan cara:
 - i. Page media sosial: Buat pelbagai post berkaitan bidang anda dan iklankan produk segar anda di sini. Tak perlu terlalu canggih, yang penting adalah mesej yang anda ingin hebahkan sampai pada prospek anda.
 - ii. Buat logo dan tampalkan di produk-produk anda: Sebagai contoh anda boleh tampalkan sticker kecil pada plastic bungkusan cendawan segar anda. Pastikan juga ada nombor telefon untuk pelanggan mudah

menghubungi anda bagi pertanyaan dan juga repeat order.

- iii. Buka gerai dengan nama kompeni siap dengan banner kecil berlogo kompeni: Paling minima yang boleh dilakukan adalah upah kedai printing untuk design dan print banner kompeni dengan iklan produk segar anda dan tampalkan di rumah anda. Secara tak langsung jiran-jiran akan mula bertanya kan? Lebih bagus jika anda buka meja di pasar-pasar yang boleh anda masuk dan berniaga di situ.
- iv. Hebahkan bisnes kad dengan nama anda dan juga kompeni

2. Bina database prospek dan pelanggan seawal mungkin

- Database yang dimaksudkan adalah:
 - i. Nama pelanggan / prospek
 - ii. Alamat rumah / pejabat (tujuan penghantaran)
 - iii. Cara untuk menghubungi (nombor telefon / Whatsapp)
 - iv. Sebarang permintaan unik sekiranya ada (hendak cendawan kecil sahaja atau besar sahaja)
 - v. Adakah dia prospek / pelanggan yang bagus? (untuk anda menetapkan keutamaan ketika penyusunan oder)
- Jarang sekali penganjur kursus yang lain mengutamakan bab database ini. Pengalaman saya dalam 13 tahun berbisnes ini mengajarkan saya bahawa sebenarnya inilah proses terpenting. Senarai nama untuk dihubungi ini sangatlah mahal bagi setiap pemilik perniagaan. Lebih besar database anda ini, lebih berpotensi anda menghasilkan jualan besar yang konsisten.

- Bagaimana mendapatkan maklumat bagi senarai database ini?
 - i. Catat setiap kali selepas bertemu bersemuka
 - ii. Mohon pada pelanggan sedia ada referral prospek baru yang dia sanggup rekomen (kebiasaannya disebabkan servis kita yang sangat bagus)
 - iii. Dari pertukaran bisnes kad di masa perjumpaan perniagaan kawasan / ekspo / majlis anjuran kerajaan setempat
 - iv. Pergi rumah ke rumah. Ini sangat sukar sekiranya salah cara. Cara mudah? Datang dengan kenalkan diri sebagai jiran dan jika mampu beri percuma sedikit produk segar kita. Sangat efektif cara ini.

3. Menabung untuk kembang ke fasa seterusnya

- Setelah beberapa tahun mengajar kursus cendawan ini, saya dapati anda sebilangan peserta yang langsung tiada pengalaman berniaga dan ingin terus terjun ke dunia cendawan ini. Tiada masalah. Tetapi anda mestilah faham sedikit sebanyak mengenainya.
- Antara yang pelik tapi pernah terjadi adalah peserta membeli sebilangan bongkah dan bongkahnya berprestasi baik. Tetapi selepas musim, beliau tidak lagi meneruskan bisnes ini. Bila ditanya kenapa, mereka menjawab tiada modal untuk beli bongkah baru. Selepas disiasat, rupa-rupanya mereka menganggap semua duit yang masuk adalah milik mereka 100%, langsung tiada simpanan. Habis.
- Sepatutnya, keuntungan hanyalah diambil di hujung musim. Setiap jualan itu perlulah masuk ke tabung simpanan bisnes

anda ini. Paling tidak, mencukupi untuk membeli semula bongkah baru untuk musim seterusnya. Common sense bagi saya, tapi tidak bagi sebilangan orang lain.

- Sekiranya anda berkira-kira untuk berkembang ke skala lebih besar pada musim akan datang, berkemungkinan segala keuntungan perlu dimasukkan ke dalam modal musim baru nanti. Ada yang menahan perut dari mengambil hasil dari bisnes ini bertahun supaya boleh memiliki fasiliti lengkap 20,000 bongkah dalam masa beberapa tahun. Anda buat keputusan.

4. Berpautlah pada yang lebih mahir / guru

- Kita sepatutnya sudah boleh mengenalpasti tahap pengetahuan kita. Dan oleh sebab ini, kita boleh juga mengenalpasti siapa antara kita yang lebih ilmunya. Cuba rapat dengan mereka ini, sedikit sebanyak akan tercurah juga ilmu pada kita.
- Hati-hati jika anda hanya mengikut pada 'guru' yang belum ahli dalam bidang ini. Sebagai contoh, orang sebegini masih lagi belum 1 tahun pun di dalam bidang ini. Kenapa usia menceburi bidang ini penting bagi menilai pengetahuan seseorang?
 - i. Sekurang-kurangnya 1 musim (3-6 bulan) diperlukan untuk anda menjalani rutin penuh bidang ini
 - ii. Sekurang-kurangnya 3 musim (9-18 bulan) diperlukan bagi memastikan anda betul-betul boleh berjaya (ada formula kejayaan) dalam bidang ini. Ini kerana:

- a) Pengeluaran segarnya mencukupi untuk cukup modal ulangan bagi memulakan musim seterusnya
- b) Berjaya mendapatkan pasaran tetap untuk pengeluarannya
- c) Berjaya buat untung. Ye la kan? Kalau tak untung kenapa ulang sampai bermusim-musimkan?

- Orang-orang lama (otai) di bidang ini mempunyai pengalaman yang berharga. Mereka boleh survive sebegitu lama dengan 'cara mereka' sendiri. Jika anda berguru dengan mereka ini, anda perlu buka fikiran anda kerana ia ada kalanya berlainan dengan ilmu terbaru sekarang ini. Ada pelbagai 'mazhab' dalam perusahaan cendawan ini, tak semestinya hanya satu cara yang betul. Buka fikiran anda. Paling minima, anda akan dapat lagi satu metod formula kejayaan kan? Otai -> ilmu praktikal.
- Ada juga yang sudah 3-4 tahun beroperasi (ini sudah menandakan mereka sudah matang dalam bidang ini), dan berpengetahuan tinggi sungguhpun tidak melakukan bisnes ini di skala besar. Mereka ini tidak hanya menghadkan pengetahuan pada ilmu dalam negara, malahan meluang masa belajar dari guru, komuniti dan buku antarabangsa. Kebanyakan mereka ini yang saya follow adalah bekas profesional (jurutera, guru, doctor dan lain-lain) yang menceburi bidang ini. Mereka sangat tinggi ilmu teori mereka. Bijak pandai -> ilmu teori
- Untuk anda berjaya, anda perlukan gabungan ilmu teori dan praktikal yang mencukupi. Sekurang-kurangnya anda

menjumpai 1 metod formula kejayaan untuk anda praktik berulang kali sehingga berjaya.

5. Sertai komuniti. Rujuk subtopik seterusnya..

CARI KOMUNITI

Bagi industri ini, sekiranya anda berseorangan anda akan menjadi sangat kerdil untuk bersaing samada dengan produk segar yang lain atau dengan pembekal produk yang sama dari nama-nama established sedia ada. Tak bagus seorang.

Kenapa berkumpul lebih bagus dari berseorangan (lone ranger):

- Anda tak perlu mencuba berkali-kali sendirian tanpa mengetahui ianya akan berjaya atau tidak. Adakalanya anda perlu uji SOP anda atau metod baru untuk dicuba. Jika ada kumpulan, mungkin anda boleh bertanya di situ dan mereka akan memberikan pendapat mereka.
- Ada masanya permintaan (oder) yang anda terima melebihi dari pengeluaran anda. Rugi pulak nak tolak tempahan ni. Jadi, waktu ini, anda boleh hubungi pengusaha terdekat lain dan dapatkan stok mereka. Win-win. Ada masanya mereka juga akan hubungi anda untuk tujuan sama.
- Persatuan, koperasi atau kesatuan petani tempatan juga membantu. Antara faedah yang boleh didapati termasuklah boleh menjalankan majlis (ekspo, kursus atau aktiviti lain) dengan lebih mudah dan kos lebih rendah dari lakukannya sendiri. Selain itu, rekomendasi dari kesatuan ini juga bagus semasa anda ingin memohon bantuan dari agensi kerajaan.

Antara komuniti yang anda boleh sertai (untuk 1 Malaysia):

a) Persatuan Penyelidik dan Pengusaha Cendawan Malaysia (nama asal Persatuan Penyelidikan Cendawan Malaysia – PPCM)

a. Website:

<http://mushroomassociationmalaysia.blogspot.com/>

b. Facebook:

<https://www.facebook.com/mushroomassociationmalaysia>



The advertisement features the logo of the Malaysian Mushroom Research Association (MMRA) on the left, which includes a mushroom icon and the text 'MALAYSIAN MUSHROOM RESEARCH ASSOCIATION'. To the right, the text 'Jom jadi ahli PPCM...' is written in large red letters, with 'PERSATUAN PENYELIDIKAN CENDAWAN MALAYSIA (PPCM)' in smaller black letters below it. Below the text, there is an illustration of six diverse people (three men and three women) with their arms raised in celebration. A blue arrow points from the text 'DAFTAR SEKARANG!' (Register Now!) towards the bottom right. At the bottom, a red banner contains the text 'Untuk maklumat lanjut sila layari: <https://mushroomassociationmalaysia.blogspot.com/>'.

b) Grup Whatsapp Cendawan Best yang diterajui oleh CoolLat.com

a. Klik di sini untuk menyertai grup Whatsapp kami:

<http://sabunwarisanbumi.com/join-grup-whatsapp-cendawan-best-di-sini/>



Ada juga komuniti tempatan anda yang boleh anda sertai. Anda boleh Google saja persatuan-persatuan ini.

Sebelum saya akhiri bab ini, saya juga ingin anda berhati-hati kerana ada juga beberapa individu yang menggunakan media koperasi dan persatuan ini untuk mengajak anda menyertai skim cepat kaya mereka. Mereka ini telah dilaporkan kepada pihak berkuasa, tapi masih lagi beroperasi setakat ini. Modus operandi mereka adalah membuat satu demi satu persatuan dapatkan ahli dan seterusnya buat lagi persatuan baru. Mereka ini membusukkan nama industri kita ini. Hati-hati semua.

Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



“ Matlamat utama pendidikan bukanlah pengetahuan tetapi tindakan. “
- Herbert Spencer



Bab seterusnya ini agak mengelirukan bagi sebahagian kita. Pada yang pandai DIY (Do It Yourself) bertukang, anda akan ada banyak idea dan anda akan yakin melakukannya. Bagi permulaan bisnes, kemahiran ini adalah satu kelebihan. Ini kerana lebih banyak kelengkapan yang anda buat sendiri, lebih rendah kos diperlukan. Tapi hati-hati ye, jangan lupa, masa kita juga sumber berharga. Jadi ada masanya anda mengupah orang lain untuk buat atau beli yang siap sahaja lebih berbaloi dari membuatnya sendiri.

Bagi yang tidak biasa kerja-kerja bertukang ini, saya cadangkan anda upah orang lain membinanya untuk anda atau anda buat sendiri sekadar cukup syarat. Asalkan anda gunakan apa yang sedia ada di sekeliling anda, kos anda juga boleh dikawal dengan baik.

Kebiasaannya, kos permulaan adalah yang paling besar bagi bisnes cendawan ini. Tapi dengan menggunakan apa yang ada dan juga kemahiran DIY anda boleh bermula kecil sebagai percubaan pertama anda. Perlahan-lahan selepas ini, anda akan naik taraf segala kelengkapan anda.

Langkah yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah persediaan yang diperlukan sebelum anda masukkan bongkah cendawan lagi. Sekiranya rumah cendawan anda substandard (tidak memenuhi syarat utama), berkemungkinan bongkah juga tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik dan banyak.

BAB 3: BINA RUMAH CENDAWAN

Bab ini bunyinya gah. Hehe. Sebab kita perlu bina premis kita tempatkan bongkah cendawan dan tempat kerja kita semusim ni. Bagi permulaan,

bagus mulakan secukup syarat dahulu. Selepas dah banyak kita menabung atau sudah sampai masa untuk memohon dana, di masa itu kita akan perlu naikkan taraf lagi rumah cendawan kita ini.

CARI TEMPAT YANG SESUAI

Syarat utama keadaan rumah cendawan adalah sebagaimana apa yang benar-benar optimum untuk tumbesaran cendawan tiram kelabu ini. Lain cendawan berkemungkinan lain keadaan yang diperlukan. Semakin hampir keadaan rumah cendawan dengan keadaan optimum, maka semakin cepat dan semakin besar cendawan dituai nanti.

Berikut adalah syarat-syarat keadaan rumah cendawan supaya pengeluaran cendawan tiram kelabu mencapai tahap optimumnya:

1. Suhu di antara 28 - 30°C. Tempat yang samada redup, tanah tinggi atau di dalam bangunan yang sesuai.
2. Kelembapan antara 80 – 90%
3. Pengudaraan yang baik
4. Bebas / jauh dari ancaman penyakit atau perosak seperti:
 - a. Sisa organik terkumpul seperti tahi ayam (dari reban ayam berdekatan) yang boleh menarik serangan hama
 - b. Berdekatan dengan pohon kayu mati yang berkemungkinan ada spesis cendawan / kulat yang lain
5. Bebas / jauh dari tempat pembakaran sampah. Asap pembakaran ini mampu membantutkan tumbesaran cendawan

Syarat 1 dan 2 kebiasaannya akan menjadi kriteria pertama pemilihan tapak projek. Alat pengukur suhu dan kelembapan perlu digunakan bagi mengukur dua parameter ini. Kebiasaannya malam dan pagi adalah

waktu paling optimum sesuatu tapak. Tengahari ke petang mungkin sebaliknya. Jadi adalah disyorkan anda mengukur 2 parameter utama ini di waktu ini.



Di atas ini adalah thermometer yang mengukur suhu (dalam unit °C) dan juga kelembapan (dalam unit % kelembapan). Thermometer ini boleh didapati di kedai alatan DIY dan juga dari aplikasi Shopee pada harga dalam lingkungan RM20 termasuk pos.

Bacaan suhu dan kelembapan ini dipengaruhi oleh banyak factor. Dan polar bacaan ini tidak konsisten sepanjang tahun. Musim hujan / monsun adalah sangat disukai oleh cendawan tiram kelabu, mana tidaknya, suhu pada ketika ini rendah beserta dengan kelembapan hujan. Hasil pengeluaran cendawan dijangkakan paling tinggi di waktu ini.

Tetapi waktu yang lebih utama kita teliti adalah waktu panas (musim panas). Majoriti hari dalam setahun adalah panas dengan matahari terik. Bagi cendawan tiram kelabu, kebiasaannya tiada masalah akan terjadi sekiranya baru sahaja musim panas bermula. Tetapi selepas berminggu, anda akan sedari pengeluaran cendawan mulai turun mendadak.

Untuk mencapai pengeluaran yang konsisten, cara mengatasi kekeringan dan kepanasan di musim panas, anda perlulah mempunyai idea bagaimana mengatasinya dari awal. Kos modal permulaan mungkin perlu juga dibajet ke arah kelengkapan menyejukkan rumah cendawan.

UKUR KESESUAIAN KEADAAN

Sekiranya kelima-lima kriteria di subtopik sebelum ini boleh dicapai di lokasi pilihan, langkah seterusnya adalah memastikan anda boleh membina rumah cendawan di situ. Keadaan yang baik tetapi tidak lojik untuk menjadi tapak binaan rumah cendawan adalah tidak relevan bagi kita.

Bagi memastikan perkara ini, kita pertimbangkan pula adakah ia sesuai untuk:

1. Dibina / diubahsuai menjadi rumah cendawan

- a. Adakah tanah / lantainya cukup kukuh?
- b. Sesuailah untuk dijalankan kerja-kerja pembinaan di sini?
- c. Adakah ruang untuk ketinggian rumah cendawan nanti? Ada pokok yang mengganggu?
- d. Adakah tapak ini cenderung untuk dilimpahi air ketika banjir?
- e. Ada anai-anai?

2. Kemudahan lojistik asas sesuai

- a. Adakah jalan ke tapak ini sesuai dimasuki lori atau bolehkah anda mengangkat pelbagai kelengkapan berat ke tapak ini? Ini kerana selain bahan-bahan binaan, bongkah cendawan juga agak berat.

- b. Adakah sesuai laluan mengangkat masuk bongkah masuk nanti?
- c. Adakah sesuai mengangkat keluaran bakul-bakul hasil cendawan segar nanti?

3. Keselesaan bekerja

- a. Adakah selesa ketika pembinaan?
- b. Adakah selesa ketika memasukkan bongkah nanti? Guna kereta sorong?
- c. Adakah selesa ketika melakukan rutin harian rumah cendawan?
- d. Adakah selesa ketika penghantaran hasil? Gunakan bakul?

Ada pelbagai lagi pertanyaan yang juga relevan, tetapi buat masa ini kita fokuskan pada ini sahaja.

Sungguhpun Nampak seperti common sense, tapi ia pastikan akan sedikit sebanyak memudahkan rutin kita kelak. Adalah bagus anda bersedia sebaik mungkin, fikirkan perkara-perkara ini sebelum ia benar-benar menghalang / mengganggu prestasi kerja anda.

Ada kemungkinan anda tiada lagi pilihan lain. Sekiranya anda terpaksa untuk kompromi pada salah satu fasiliti asas seperti di atas, anda perlulah buat perancangan khas bagaimana anda tangannya dengan baik. Saya pasti tidak semua kita boleh bersedia 100%, tapi yang penting kita buat yang terbaik semampu kita.

Sekiranya dibincangkan mengenai kos, antara cara terbaik untuk bermula tanpa kos pembinaan besar adalah dengan menggunakan bangunan sedia ada atau bilik (indoor). Para peserta sebelum ini ada yang menggunakan:

- Ruangan dapur yang redup
- Bahagian belakang rumah yang berbumbung
- Bilik kosong yang tidak digunakan
- Menyewa premis kedai di barisan kedai yang kurang dihuni
- Garaj kereta yang tidak digunakan

Indoor pastinya lebih mudah dan kos lebih rendah? Ya, sekiranya tiga soalan di atas juga dijawab dengan baik.

1. Dibina / diubahsuai menjadi rumah cendawan

- a. Adakah ketinggian mencukupi untuk binaan rak? Apa besi / kayu yang sesuai?
- b. Ada pengudaraan yang baik? Tingkap membenarkan udara masuk dan keluar dengan baik?
- c. Siling berkeadaan baik? Tidak berkulat?
- d. Lantai tahan basah? Ada retak yang perlu ditampal?

2. Kemudahan lojistik asas sesuai

- a. Bagaimana membawa masuk bahan-bahan binaan?
- b. Bagaimana mengangkat masuk bongkah-bongkah? Guna bakul?

3. Keselesaan bekerja

- a. Adakah selesa anda bina di kawasan sempit ini?
- b. Bagaimana anda hendak bawa masuk bongkah nanti?
- c. Adakah selesa melakukan kesemua rutin di keluasan ini?
- d. Bagaimana membawa keluar semua hasil nanti?

Saya pasti ada banyak lagi pilihankan? Pilihlah yang menepati kriteria dan juga sesuai untuk kemampuan anda.

UKUR LUAS

Saya pasti anda lebih menyukai idea membuat rumah cendawan indoor kan? Ya, saya juga syorkannya. Tetapi bergantung kepada di mana anda pilih, kebiasaannya keluasan menjadi persoalan utama. Adakah ia mencukupi untuk skala projek anda?

Cara kiraan berbeza mengikut cara binaan rak dan rumah. Tapi kita boleh gunakan cara kiraan mudah ini:

15 bongkah untuk sekaki persegi

(Contoh: 10 kaki x 20 kaki memuatkan 3,000 bongkah)

Kiraan di atas ini adalah kiraan ringkas kami anggarkan termasuk sekali dengan laluan kita berjalan di antara bongkah sambil mengangkut bakul bersaiz sederhana.

Adalah bagus rak mampu untuk menempatkan lebih dari perancangan kita bagi memudahkan kita mengubah kedudukan bongkah yang perlu dibuang / dikuarantin sementara. Ruangan kerja yang kita ada kebiasaannya hanya 3 kaki antara rak, oleh sebab ini, ada ruangan lebih di atas atau bawah akan memberikan sedikit keselesaan berkerja.



Gambar ini menunjukkan bagaimana susunan bongkah pada rak kayu. Bongkah di tingkat terbawah memerlukan kita duduk bertingtung, manakala yang teratas memerlukan kita mencapai sedikit tinggi dari kepala kita.

Adakala peserta baru akan bertanyakan samada boleh dimasukkan lebih dari jumlah 15 bongkah sekaki persegi, ianya tidak mustahil. Saya sendiri pernah mencuba 10 kaki x 10 kaki menempatkan 2,000 bongkah (bersamaan 20 bongkah untuk sekaki persegi). Tetapi ianya tinggi dan memerlukan stool untuk mencapai bahagian di atas.



Ini cara susunan meninggi (mengikut konsep Vertical Farming). Ia mampu mencapai sehingga 20 tingkat bongkah dan boleh mencapai kepadatan 20 bongkah sekaki persegi. Tetapi ia sedikit sebanyak mengorbankan keselesaan bekerja kita kerana perbezaan ketinggian terbawah dan teringgi yang besar.

Untuk memastikan anda tidak mengambil risiko tidak perlu, saya cadangkan 15 bongkah sekaki persegi adalah mencukupi dan mudah diuruskan.

Dari kiraan ini, berikut adalah cadangan saiz diperlukan bersesuaian dengan jumlah bongkah berpadanan. Ruangan berjalan juga termasuk. Kiraan ini menggunakan formula 15 bongkah sekaki persegi:

- | | |
|----------------------|---------------------------------|
| 1. 1 kaki x 1 kaki | 5 bongkah (Fasa 1) |
| 2. 10 kaki x 10 kaki | 1,500 bongkah (Fasa 2) |
| 3. 10 kaki x 20 kaki | 3,000 bongkah |
| 4. 20 kaki x 20 kaki | 6,000 bongkah (Fasa 3) |

5. 20 kaki x 40 kaki

12,000 bongkah (**Fasa 4**)

Sila rujuk skala projek anda (mengikut fasa) dan keperluan keluasan seperti di atas. Ini adalah semata-mata keperluan keluasan rumah cendawan sahaja, tidak termasuk kelengkapan lain (seperti rumah eram, bilik suntik, ruang kuarantin, ruang pembungkusan dan lain-lain). Sekiranya anda hanya bercadang untuk membeli bongkah dan tidak menghasilkannya sendiri (Fasa 4), keluasan ini mencukupi. Sekiranya anda ruang tambahan, ia akan menambahkan lagi keselesaan bekerja kelak.

Contoh di atas menggunakan maksima 20 kaki persegi dengan anggapan anda menggunakan Battern sebagai bahan binaan rak anda. Battern ini dijual dalam lingkungan RM20-25 untuk 20 kaki panjang. Jadi binaan yang disyorkan untuk panjang minima adalah 20 kaki maksima.



Di atas ini adalah contoh Battern berwarna biru yang kerap digunakan pengusaha cendawan dalam binaan rak. Cara pemasangan agak mudah iaitu hanya dengan skrewkan sahaja untuk menyambung antara Battern ini.

RANCANG RUMAH DAN RAK

Sepatutnya ketika ini, anda sudah mengetahui keperluan ruang minima anda untuk memuatkan rumah cendawan anda. Dari pengetahuan ini, anda boleh mula merancang cara binaan rumah dan rak anda.

Terdapat beberapa pilihan dan teknik. Anda ada pilihan samada membinanya sendiri (DIY) atau mengupah orang lain. Binaan ini tidak kompleks, dan bagi yang berkemahiran, anda boleh memahami cara melakukannya sendiri dari gambar-gambar asas di bawah ini.

Pilihan pembinaan rumah cendawan termasuklah:

1. Tiada rumah, cuma rak di bawah teduhan



2. Penggunaan semula ruang indoor di dalam bangunan



3. Membina dengan bata dan kayu



4. Membina dengan battern besi



5. Membina mengikut spesifikasi Jabatan Pertanian



Pilihan pembinaan rak adalah:

- Rak kayu A



- Rak besi menegak battern biru



- Rak kayu menegak



- Rak battern besi dengan mesh besi



- Rak tali gantung



Semua gambar di atas ini adalah diambil daripada perkongsian pengusaha-pengusaha cendawan serata Malaysia dan juga di Thailand menerusi kumpulan Whatsapp Cendawan Best. Sekiranya anda ingin menyertai, klik di sini:

<http://sabunwarisanbumi.com/join-grup-whatsapp-cendawan-best-di-sini/>

Seperti yang digambarkan di atas, kita tidak terikat kepada satu-satu cara binaan rumah atau rak sahaja. Semakin hari, akan ada lagi inovasi rumah dan rak terbaru yang semakin canggih dan berkesan. Daripada pilihan di

atas ini, anda perlu buat keputusan yang mana sesuai dengan anda (kemahiran DIY, modal dan juga kemudahan kerja kelak).

Setiap bongkah boleh mempunyai berat antara 600g ke sekilogram bergantung kepada di mana anda mendapatkannya. Oleh sebab ini, rak perlulah cukup kuat untuk menampung jumlah bongkah yang anda rancangkan bagi setiap rak.

MULA BINA

Setelah membuat keputusan cara binaan rumah dan rak, seterusnya anda boleh terus buat kajian cara membinanya. Sekiranya anda ingin mengupah orang lain membinanya adalah bagus anda sertakan gambar kepada mereka untuk mereka tiru.

Pada yang masih runsing untuk membinanya sendiri. Terus kanlah mencari matlumat di dalam internet terutamanya samada gambar lebih jelas cara binaan dan juga kaedah pembinaan langkah step by step sekiranya ada. Selain Malaysia, Indonesia dan Thailand juga mempunyai perusahaan seperti kita dan mereka juga mempunyai cara binaan mereka sendiri.

Untuk langkah pembinaan ini bagi memastikan anda terus bergerak, hanya ada 3 nasihat untuk anda iaitu:

1. Buat keputusan dan tetapkan bajet
2. Mula cari pembekal, kontraktor atau bahan-bahan
3. Terus mula

Adalah terbaik saya tidak menjadikan topik ini kompleks kerana adalah lebih baik anda terus mulakan dengan apa yang ada. Dengan hanya kayu

dan paku pun sebenarnya memadai anda membuat rumah cendawan dan rak yang kukuh dan boleh bertahan 5-10 tahun. Yang penting adalah anda mengambil langkah pertama dan terus mula.

Sekali lagi peringatan, pastikan binaan rumah cendawan dan rak ini disiapkan dalam seminggu awal sebelum ketibaan bongkah. Ini kerana anda masih lagi perlu membersihkannya dan membuat persediaan finishing terakhir sebelum ia dipenuhi bongkah. Ini kerana bongkah adalah agak berat dan segala rak dan rumah sukar lagi diubah setelah itu.

Jangan fikir terlalu lama. Asalkan ia selamat dan kukuh, teruskanlah.

TEMPAH BONGKAH / BAHAN

Tempahan bongkah perlulah dirancang dengan baik. Bongkah kebiasaannya memerlukan masa untuk disiapkan. Para pengeluar bongkah kebiasaannya hanya menjual bongkah yang melepasi tahap separa matang. Ini kerana bongkah yang belum separa matang sukar dipastikan kualitinya pada waktu awal.



Leher dan penutup plastik. Cendawan akan keluar dari sini. Setelah matang, penutup dibuka.

Putih adalah misellium. Selepas benih disuntik, sedikit demi sedikit bahagian putih ini akan bergerak memenuhi bongkah.

Belum putih bermaksud belum matang sepenuhnya


Pada ketika separa matang, kita dapat pastikan sekurang-kurangnya misellium (akar) sudah mula bergerak mengisi separuh bongkah. Jika

anda beli sebelum ia separa matang, ada kebarangkalian misellium ini terbantut. Jika ia terbantut, kebarangkalian untuk misellium memenuhi bongkah adalah sangat tipis.

Sekali lagi diingatkan, anda perlu berhati-hati dengan scammer bongkah cendawan. Sebagai contoh di Shopee, semakin hari semakin ramai penjual sebegini wujud. Kebanyakan mereka hanya mula menjual bongkah kerana mendapati mereka boleh membeli dari orang lain pada harga murah dan menjualnya kembali dengan harga sekali ganda atau lebih.

Peniaga bongkah scammer kebiasaannya:

- Tiada pengalaman sendiri menjaga bongkah ini
- Mereka tidak boleh menasihatkan anda sekiranya bongkah anda mulai sakit / tidak berhasil. Kebiasaannya mereka akan terus mengendahkan anda sekiranya ini hampir berlaku.
- Menjanjikan pengeluaran setiap bongkah tidak masuk akal
- Mereka hanyalah agen kepada pengeluar bongkah gred sederhana (yang murah) supaya mereka dapat memaksimumkan keuntungan mereka



Tidak semua peniaga Shopee ini adalah scammer. Cuma anda perlu semak semua review sebelum anda membeli.

Bagi tujuan kita, kita tidak boleh membeli bongkah dari Shopee kerana ia pastinya akan mahal dan tidak sesuai bagi jumlah yang banyak untuk dihantar secara pos. Bagi kuantiti komersil, adalah bagus untuk anda menghubungi pengeluar bongkah sendiri dan uruskan dengannya kaedah penghantaran bongkah ini kepada anda.

Anda boleh hubungi kami untuk tempahan bongkah atau rekomendasi pengeluar bongkah dengan anda dengan klik di bawah:

Tempah Bongkah Cendawan
harga borong

Whatsapp sekarang 



  Penang

  Pahang

The advertisement features a background image of mushroom slices. It includes text in Malay: 'Tempah Bongkah Cendawan' (Order Mushroom Slices) and 'harga borong' (wholesale price). A call to action says 'Whatsapp sekarang' (WhatsApp now) with a green WhatsApp icon. Two contact options are provided: one for Penang, featuring a man in a cap and the Penang flag, and another for Pahang, featuring a man in a suit and redacted contact details. A black arrow points to the bottom right corner of the advertisement.

Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



“ Tahun baru muncul di hadapan kita, bagaikan bab di dalam buku, menunggu untuk ditulis. “
- Melodi Beattle



Bab seterusnya ini saya cadangkan anda luangkan antara seminggu persiapannya sebelum anda memasukkan bongkah. Ini adalah proses terakhir perlu disiapkan sebelum anda mula bertani cendawan. Proses ini tidak sukar tetapi ia akan diulangi anda pada awal musim-musim seterusnya sebelum bongkah baru masuk ke rumah cendawan.

BAB 4: PERSIAPAN SEBELUM MASUK BONGKAH / MULA MUSIM

Bab ini hanya mempunyai 3 subtopik. Ianya ringkas tetapi lebih kepada persediaan kelengkapan dan keadaan rumah cendawan untuk pastikan tuaian terawal anda tiada masalah.

Statistik menunjukkan, tuaian pertama dan kedua adalah yang terbanyak berbanding seterusnya. Dan bagi orang baru, kebiasaannya mereka tenggelam dalam tugas tuaian pertama dan kedua ini kerana hasil yang banyak. Ada sebilangan yang terlalu teruja dan tidak berjaya untuk membuat jualan stok sehingga habis atau tidak sempat mengutip semua hasil segar (sehingga sudah kering / reject) kerana masih belum cekap menguruskan rutin harian. Oleh sebab ini saya cadangkan anda bersedia lebih awal.

PEMBERSIHAN

Sepertimana apa yang kita lakukan semasa berpindah ke rumah atau kedai baru, kita akan bersihkannya kan? Sama juga dengan rumah cendawan. Cuma ia perlu dibersihkan dengan lebih teliti.

Pembersihan bagi rumah cendawan bertujuan:

1. Menghilangkan kekotoran / habuk pembinaan. Kaedah pembersihan rumah cendawan kebiasaanya menggunakan air dan sabun. Lantai dan dinding berlumut (kulat hijau) perlulah diberus sebaik mungkin. Adalah juga baik sekiranya pembersihan sebegini dilakukan setiap bulan dan diakhiri dengan semburan campuran pengawal serangga (perkara 3).



3

2. Mengurangkan kebarangkalian kontaminasi dari sepsis cendawan / kulat lain. Sebagai contoh, lumut hijau yang biasa kita lihat di dinding tandas juga merupakan pesaing kepada cendawan tiram kelabu. Bongkah yang dijangkiti kulat hijau ini boleh mengurangkan hasil pengeluaran cendawan tiram kelabu. Di bawah menunjukkan bongkah yang telah diserang kulat hijau. Ia masih mengeluarkan hasil, tetapi akan sedikit.



3. Mengurangkan kebarangkalian serangga menghuni di dalam rumah cendawan. Rumah cendawan yang bersih dan berbau serai wangi sebagai contoh, sangat bagus bagi mengelakkan serangan hama, semut dan bari-bari. Ramai juga pengusaha memastikan mereka menyembur campuran serai wangi setiap bulan bagi memastikan rumah cendawan mereka terus dilindungi.



4. Memastikan keadaan rumah cendawan adalah konsisten sepanjang musim. Sebagai contoh, ada yang mengamalkan sebulan rehat semusim. Mereka akan memastikan sebulan itu tiada bongkah di dalam rumah cendawan dan pembersihan dilakukan dalam tempoh ini. Durasi rehat dan pembersihan ini boleh memastikan jangkitan penyakit / kontaminasi sedia ada di dalam rumah cendawan disingkirkan sebelum kemasukan bongkah-bongkah baru.

Kapur pertanian sering juga digunakan bagi mengurangkan kontaminasi. Ramai pengusaha menaburkan kapur ini di atas setiap tingkat rak cendawan mereka dan lantai tanah mereka sebelum kemasukan bongkah.

Selain dalam rumah cendawan anda, luaran dan juga sekeliling kawasannya juga perlu dibersihkan. Bagi luaran rumah cendawan, boleh anda mula semburkan campuran cuka kayu atau serai wangi dengan air

pada dinding luar. Cara ini boleh menjauhkan rumah cendawan dari diserang serangga.

Kawasan sekeliling rumah cendawan, sekiranya semak adalah lebih baik dipotong rumput terlebih dahulu. Hama boleh datang dari semak samun sebegini. Tetapi satu amaran, adalah bagus tidak dilakukan pembakaran di sekitar rumah cendawan. Ia membantutkan tumbesaran cendawan dan boleh melekat baunya lama di dinding dan dalam rumah cendawan. Sekiranya anda berjiran, adalah lebih baik anda bercakap dengan mereka supaya tidak membakar berdekatan dengan rumah cendawan anda.

BELIAN SEMUA KEPERLUAN

Apabila anda mula nanti, anda akan melalui beberapa rutin harian (akan diceritakan lebih mendalam dalam Bab 5). Setiap rutin ini memerlukan keperluan / kemahiran berbeza. Ada yang berkongsi kelengkapan dan ada yang tidak. Berikut adalah kelengkapan yang diperlukan berdasarkan SOP harian:

1. Tuaian hasil: Proses mengutip cendawan dengan cara menarik cendawan keluar, membersihkan leher bongkah dan membawa keluar hasil dari rumah cendawan
 - **Bekas plastik** berisi air campuran samada serai wangi atau dettol (bagi yang tidak mempunyai sijil organik)
 - **Sudu besi** untuk mengorek / bersihkan leher bongkah. Bahagian belakang sudu (di bahagian pemegang) yang digunakan untuk tujuan ini.
 - **Gunting (1)** bagi memotong akar cendawan sebelum dimasukkan ke dalam plastik bungkus

- **Raga / Bakul** untuk dimasukkan hasil cendawan segar



2. Tutup rehat: Proses merehat sementara bongkah cendawan dengan cara menutup leher bagi mengelakkannya mengeluarkan hasil
 - **Penutup plastik** yang boleh diguna berkali-kali
 - **Tisu dan gelang getah** juga ada digunakan. Mereka yang menggunakan terknik ini berpendapat ia membantu bongkah terus bernafas semasa direhatkan. Tetapi kaedah ini boleh menjadikan cendawan yang terpaksa tolak keluar tisu ini sedikit cacat. Cara ini juga memakan masa untuk dipasang pada leher bongkah.



3. Pembungkusan: Proses memasukkan cendawan segar yang baru dikutip ke dalam plastik bungkusan supaya sedia untuk dijual
- **Gunting** (2) bagi memotong akar cendawan sebelum dimasukkan ke dalam plastik bungkusan
 - **Plastik** mengikut saiz yang diminta pelanggan, yang kebiasaannya meminta dalam bentuk berat 50g, 100g, 500g dan 1kg
 - **Gelang getah** untuk mengikat plastik besar
 - **Sealer** untuk memastikan pek kecil kedap udara
 - **Pelekat label** ini perlu direkabentuk dan ditempah di kedai printing. Butiran harga dan berat perlulah mengikut kepada kehendak pelanggan anda. Ia adalah termasuk kos pemasaran anda bagi memudahkan pelanggan mengulang pembelian.



4. Penghantaran: Proses menghantar cendawan yang siap dibungkus terus kepada pelanggan
 - **Bakul** bagi mengisi semua produk segar kita dengan selamat dan tidak bertindih
 - **Resit atau Delivery Order (1)** bagi merekod setiap penghantaran hasil. Sekiranya anda baru, buku rekod secara bertulis juga boleh digunakan.
5. Jualan: Proses pertukaran produk dengan tunai
 - **Duit baki** kebiasaannya kita letakkan di dalam pouch untuk transaksi jualan tunai. Ia bagus sekiranya anda sentiasa ada wang baki, pelanggan akan menganggap anda profesional dan mudah untuk berurusan.
6. **Resit atau Delivery Order (2)**

RANCANG PENGANGKUTAN BONGKAH / BAHAN

Sepertimana diterangkan di bab sebelum ini, semua pergerakan bongkah perlulah dilakukan dengan perancangan. Semudah-mudah memasukkan bongkah baru ke dalam rumah cendawan juga memerlukan perancangan

sama cukup seorang tenaga kerja atau tidak. Sebagai contoh, sekiranya dilakukan berseorangan dengan jumlah bongkah yang banyak, ia mungkin mengambil masa yang terlalu lama.

Bagi yang berdekatan dengan pengeluar bongkah masing-masing, anda mempunyai pilihan untuk mengambil bongkah ini sendiri dengan kereta atau kenderaan pikap anda. Sebagai contoh Mitsubishi Triton boleh memuatkan 500 bongkah dengan selesa di bahagian pikapnya. Kenderaan MPV lain juga boleh, tetapi perlulah mengikuti syarat-syarat ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuklah tidak boleh menutup cermin.



Bagi jumlah melebihi 500, adalah disarankan anda menggunakan perkhidmatan lori. Kebiasaannya pengeluar bongkah boleh menguruskan penghantaran ini ke destinasi pilihan anda dengan caj kos penghantaran. Oleh kerana ia menggunakan khidmat lojistik luar, ada kemungkinan ia akan sedikit lewat. Jumlah tempahan yang sedikit mungkin memerlukan masa lebih lama berbanding tempahan jumlah

besar yang tidak memerlukan pihak lojistik untuk membuat hentian banyak kali.

Lebih dekat pengeluaran bongkah dengan anda lebih bagus. Kerana kos penghantaran kebiasaannya agak tinggi.

Durasi tempahan bongkah (500 bongkah ke atas) untuk sampai ke tempat anda bergantung kepada perkara di bawah ini:

1. Kematangan bongkah yang hendak dibeli. Sekiranya ianya baru sahaja disuntik, ia mungkin mengambil antara 15 ke 45 hari sebelum menjadi separa matang (sesuai untuk dijual)
2. Waktu yang diperlukan untuk penghantaran. Kebiasaannya sehari jika 1 trip sahaja dan 2-3 hari bagi penghantaran di banyak tempat / berkongsi dengan penghantaran barangan lain.

Selepas sahaja anda menerima bongkah, ia masih lagi belum boleh diletakkan di dalam rak rumah cendawan anda. Ini adalah kerana bongkah yang belum matang (misellium belum memenuhi bongkah) perlu disusun berdiri bagi memastikan misellium dapat turun lebih laju dengan bantuan graviti. Dan tempoh eraman ini boleh mengambil antara sehari ke 45 hari. Ia berbeza mengikut tarikh ia disuntik benih dan jenis benih yang digunakan. Anda perlu bertanya mengenai tarikh bila patut anda buka penutup (bongkah mula mengeluarkan hasil) daripada siapa anda membeli bongkah tersebut.



Contoh cara susun menegak berdiri ketika proses eraman. Bongkah di dalam gambar ini baru sahaja disuntik benih dan belum lagi ada pergerakan misellium.

Sungguhpun adalah bagus anda menyusun menegak seperti di atas di dalam tempoh eraman, kebanyakan pengusaha terus menyusunnya di atas rak kerana ketiadaan tempat untuk proses eraman ini. Tiada masalah, cuma ia akan sedikit lambat berbanding susunan berdiri.



Contoh susunan terus bongkah separa matang di atas rak rumah cendawan

Oleh sebab-sebab di atas, adalah disarankan anda menempah awal bongkah anda bagi memastikan stok ada dan juga sampai tepat pada waktunya mengikut perancangan anda.

Kenali Potensi
Bisnes Cendawan

01



Persiapan Sebelum
Bermula

02



Bina Rumah
Cendawan

03



Persiapan Sebelum
Masuk Bongkah

04



Mula

05



Musim
Pertama

06



Apa Langkah
Seterusnya

07



Cara Kembangkan
Bisnes

08



**“ Tidaklah manusia
mendapatkan apa-apa kecuali
apa yang dikerjakannya. “**

- An-Najm: 39



Setakat ini, sekiranya anda telah lalui semua proses (bab demi bab) sebelum ini, anda sudah akan mengalami:

1. Penetapan sasaran fasa skala projek mengikut kemampuan diri
2. Menjumpai pasaran yang boleh anda tembusi dan senarai prospek
3. Siapkan pembinaan rumah atau rak indoor anda
4. Keadaan rumah cendawan dan rak sudah sedia menerima kemasukan bongkah baru

Jika ya, anda sekarang sudah bersedia untuk terus bermula. Bagaikan roket angkasa sudah mula membuat tujahan kuat untuk menembak roket ke luar angkasa. Saat ini adalah saat kritikal. Sebarang kesalahan atau kesukaran ketika ini adalah disebabkan kurangnya persediaan sebelum darinya. Oleh sebab yang demikian, jangan anda hiraukan bab sebelum ini untuk pastikan permulaan anda benar-benar lancar dan terus bergerak ke arah mencipta keuntungan.

Saya doakan anda berjaya ;)

BAB 5: MULA

Sesudah ketibaan bongkah di premis anda, anda tidak boleh menunggu lama dan mestilah terus memindahkannya masuk ke dalam rumah cendawan anda. Keadaan di dalam rumah cendawan yang optimum akan mempercepatkan pergerakan misellium. Semakin cepat misellium memenuhi bongkah, maka lebih cepat anda boleh buka penutup dan terus tunggu untuk hasil keluar.

Pembekal bongkah anda sepatutnya akan memberitahu anda tarikh sepatutnya anda buka penutup. Pada ketika ini sepatutnya semua

bongkah sudah bersedia untuk proses pengeluaran hasil. Dan sekiranya di waktu ini ada juga beberapa bongkah yang masih belum dipenuhi misellium (sedikit sahaja lagi hendak penuh), tidak mengapa, buka juga penutup bongkah ini. Ini kerana kiraan pengeluar bongkah kebiasaannya tepat kerana mereka mengetahui tarikh sebenar benih disuntik.

Bagi mengelakkan kerja berulang kali, adalah baik semua urusan mengangkat dan menyusun bongkah ini dilakukan hanya sekali. Ini kerana dengan berat purata 600-800g kali jumlah bongkah anda, tugas ini adalah kerja berat dan mengambil masa. Adalah bagus selepas turun sahaja dari lori / kenderaan anda, terus susun di rak cendawan anda. Sebagai konteks 3,000 bongkah mengambil masa seorang 4 jam untuk siap disusun. Sekiranya boleh, dapatkan bantuan untuk proses seterusnya ini.

SUSUNAN BONGKAH

Oleh disebabkan terdapat pelbagai jenis rak yang boleh digunakan, berikut adalah sedikit sebanyak teknik bagi memudahkan cara dan optimum untuk bongkah cendawan itu sendiri:

- I. Rak bertingkat biasa
 - I. Kebiasaannya rak sebegini akan mempunyai beberapa tingkat. Anda mungkin berfikir lebih sedikit tingkat lebih murah kos, hati-hati ye, ini kerana tujuan adalah untuk membahagikan berat bongkah supaya tak tertumpu yang boleh mengakibatkan rak patah / runtuh.
 - II. Setiap tingkat rak ini pula kebiasaannya boleh memuatkan 4-5 tindih bongkah. Bagi projek skala besar, ini tiada masalah

kerana perusahaan skala besar tidak memerlukan pengeluaran setiap bongkah yang besar. Tetapi sekiranya jumlah bongkah kita sedikit, adalah baik sekiranya hanya ditindih 3 bongkah. Teorinya di sini adalah bongkah yang dibawah tidak akan terlalu terpenyet sehingga menyukarkan cendawan bergerak tumbuh ke luar bongkah.

- III. Kelebihan: Rak jenis ini paling mudah di susun kerana tempat untuk diletakkan luas dan boleh ditindih dengan mudah. Cara binaan juga agak mudah sekiranya anda mempunyai peralatan yang mencukupi.
- IV. Kelemahan: Susunan yang meninggi dan bertindih-tindih buat permulaannya tiada masalah. Tetapi setelah 4-5 kali tuaian, bongkah akan mula menyusut saiz, dan ini akan mengakibatkan susunan tadi menunduk ke depan dan boleh jatuh sekiranya tidak dibetulkan. Satu teknik membetulkannya adalah menggunakan plywood kecil dan tolak semua bongkah itu kembali menegak.



Di atas adalah foto ketika proses penyusunan bongkah bagi rak menegak bertingkat biasa. Sila ambil perhatian yang bongkah di sini hanya ditindih kepada 3 bongkah maksima.

II. Mesh besi

- I. Rak kaedah ini dipopularkan di negara China dan ia mampu menyokong setiap bongkah tanpa ada bongkah lain menindihnya. Oleh sebab itu keselesaan setiap bongkah adalah optimum.
- II. Kelebihan: Oleh kerana setiap bongkah di susun ke dalam ruangan antara mesh itu. Tiada bongkah yang akan bertindih menjadikannya misellium bebas bergerak laju. Ini berkemungkinan menambahkan hasil pengeluaran cendawan segar.
- III. Kelemahan: Memerlukan kos yang tinggi dan masa untuk disiapkan. Kebiasaannya, mesh besi ini di kimpal terus kepada tiang-tiang batteren supaya betul-betul kukuh. Bagi perusahaan jangka masa panjang, ia sangat sesuai.



Ini contoh kilang komersil cendawan di China. Perhatikan bongkah tersusun cantik mengikut barisan masing-masing.

Platform rak seperti ini sangat stabil dan tidak perlu dibetulkan kedudukan bongkah kecuali bagi yang dijangkiti penyakit / kontaminasi.

III. Tali

- I. Rak kaedah ini kurang menggunakan bahan-bahan struktur kerana ia bergantung kepada tali. Kaedah ini popular di Utara Semenanjung. Sungguhpun lebih murah membuat rak (hanya kos struktur minima dan kos tali), tetapi pemasangannya mengambil masa dan sedikit kemahiran dari anda.
- II. Kelebihan: Bongkah boleh disusun meninggi tanpa ada tingkat-tingkat. Dan ini membolehkan susunan maksima meninggi. Amat sesuai bagi kawasan sempit. Ia juga murah, dan mudah diganti sekiranya tali rosak. Bongkah boleh disusun bertingkat-tingkat dengan cara mengikat selang beberapa tindih bongkah (boleh disusun bertingkat seperti rak biasa) atau terus saja ditindih menegak tanpa pecahan tingkat (bongkah di bawah tertindih teruk dengan berat bongkah di atas).
- III. Kelemahan: Mengambil banyak masa semasa pemasangan rak dan juga semasa penyusunan bongkah. Susunan bertindih banyak tingkat boleh mengurangkan pengeluaran hasil bagi bongkah di bawah.



Susunan dengan menggunakan tali juga kelihatan cantik sebaris atas ke bawah. Kedudukan yang seragam ini membantu kita meneliti keadaan setiap bongkah. Dengan kaedah tali ini, kita boleh buat keputusan jarak antara seikat tali dengan seterusnya. Jarak antara column ini membantu bongkah menjadi lebih sejuk dan ruang tumbesaran cendawan nanti juga lebih besar (ini menjadikan cendawan dikutip nanti lebih besar kerana kurang persaingan dari kelopak cendawan bersebelahan).

Seperti yang dicadangkan, adalah lebih baik penyusunan hanya dilakukan sekali sahaja dan bongkah ini akan terus berada di kedudukannya sehinggalah ia tidak lagi berhasil dan dibuang. Bagi 6-8 kali tuaian, durasi musim penuaian hasil cendawan mungkin di antara 3 ke 6 bulan.

Setelah tugas penyusunan bongkah selesai, apa yang perlu dilakukan hanya menunggu tarikh untuk membuka penutup.

TUNGGU MATANG

Sampai saja tepat tarikh anda diarahkan untuk membuka penutup bongkah, anda perlu buka kesemua bongkah ini. Ini adalah betul sekiranya anda tidak perlu merancang pengeluaran hasil cendawan segar anda.

Sekiranya anda perlu, jadual buka dan tutup bongkah cendawan ini perlulah dirancang terlebih dahulu. Sebelum merancang, anda perlu fahami dahulu fasa yang dialami bongkah cendawan seumur hidupnya seperti di bawah:

1. **Fasa Semai / Eram:** Bongkah yang baru dikukus dan disejukkan akan disuntik dengan benih cendawan. Hari demi hari, benih itu akan mula bergerak tumbuh ke arah habuk kayu di dalam bongkah dan terus berkembang sehingga memenuhi bongkah. Apabila ia penuh, bongkah ini disebut sebagai bongkah matang.
 - Bongkah yang baru dibeli adalah kebiasaannya separa matang, iaitu semaian baru berkembang separuh jalan. Ia masih memerlukan sedikit masa lagi sebelum betul-betul matang.
 - Bagi pengeluar bongkah, kebiasaannya bongkah yang sudah disuntik akan ditempatkan dahulu di dalam rumah semaian. Rumah semaian ini berbeza dengan rumah cendawan kerana hasil tidak akan dituai di sini. Ia hanya bertujuan untuk menempatkan bongkah ini

sementara proses semaian lengkap dan ianya bersedia untuk memasuki rumah cendawan.



Kitaran kematangan bongkah bermula dari kiri ke kanan. Bongkah separa matang sudah sesuai untuk dijual kepada pengusaha cendawan. Bongkah matang pula sudah perlu dibuka penutupnya bagi ia mula mengeluarkan hasil cendawan segar.

- Fasa Hasil:** Bongkah yang sudah matang dan bersedia untuk mengeluarkan hasil. Sampai sahaja tarikh sepatutnya bongkah matang (seperti diberitahu pembekal bongkah), ini bermaksud bermula tarikh ini, anda sudah boleh membuka penutup bongkah.
 - Sungguhpun begitu, sekiranya dibuka sekarang semua sekali, maka akan terhasil jumlah cendawan segar yang banyak, dan selepas dituai, anda perlu tutup semula setiap bongkah ini. Ketika ditutup ia adalah pada fasa rehat.

- Fasa hasil dan fasa rehat adalah berselang seli sehinggalah tuaian yang terakhir. Jadi setiap kali hasil dituai, ia juga perlulah ditutup semula.
 - Penjadualan bongkah mana patut dibuka dan yang mana patut ditutup akan menentukan bila hasil paling tinggi dan bila akan tiada hasil. Oleh sebab yang demikian, adalah lebih baik asingkan bongkah ini kepada beberapa kumpulan. Satu kumpulan dibuka, satu kumpulan ditutup sebagai contoh.
3. **Fasa Rehat:** Fasa ini bongkah ditutup, jadi keadaan kurang optimum untuk tembesaran cendawan (kekurangan oksigen). Pergerakan tumbesaran cendawan ketika ini diperlahankan / direhatkan dengan tujuan ia akan lebih bersedia untuk proses pengeluaran seterusnya.
- Ada juga pengusaha yang tidak mengamalkan fasa ini di dalam musim cendawan mereka. Sekiranya anda skip fasa ini, kesemua bongkah anda akan berkemungkinan keluar serentak. Bagi mereka yang menghasilkan sendiri produk hiliran dengan cendawan segar, ini mungkin tiada masalah. Tetapi sekiranya anda perlu mengikut jadual penghantaran produk segar mingguan atau harian, ini mungkin bermasalah kerana:
 - Ada masanya hasil akan terlalu banyak sehingga berlaku lambakan (tidak terjual)
 - Ada masanya hasil tidak mencukupi untuk memenuhi tempahan sedia ada
 - Fasa rehat ini memerlukan anda menggunakan penutup samada plastik atau kertas yang diikat. Kertas atau tisu

yang digunakan masih membenarkan bongkah bernafas dan ini menyebabkannya berkemungkinan masih lagi boleh mengeluarkan hasil. Saya menggalakkan anda menggunakan penutup plastik penuh seperti di bawah ini.



Di kiri adalah plastik leher bongkah, setiap bongkah cendawan menggunakannya (kecuali teknik leher roket). Leher bongkah akan kekal pada bongkah sepanjang musim. Penutup eram pula akan digunakan bermula di Fasa Semai hinggalah bongkah matang. Penutup rehat digunakan semasa ingin merehatkan bongkah di antara tempoh tuaian hasil.

4. **Fasa Mati:** Ini merupakan tanda-tanda musim berakhir. Ada bongkah yang akan mati terlebih dahulu, ianya normal. Anda cuma perlu asingkan bongkah yang tidak berhasil ini daripada bongkah yang elok untuk memastikan tiada penyakit / serangan hama.
- Serangan hama amatlah ditakuti para pengusaha. Ini kerana hama boleh memakan misellium menjadikan bongkah yang matang secara tiba-tiba bertukar warna

menjadi warna habuk kayu asal. Ini bermakna tiada lagi misellium cendawan. Sekiranya ini terjadi, anda perlu lakukan hal di bawah:

- Semak adakah anda merata bagaikan ada semut berjalan di muka / tangan anda. Dan anda terasa gatal. Ini antara pengesanan yang rumah cendawan anda sudah diserang hama.
 - Cara menguruskan serangan hama memerlukan anda merehatkan semua bongkah dalam masa sebulan. Ia merugikan anda, tapi ianya perlu bagi menyelamatkan seberapa banyak bongkah lain yang masih selamat. Lebih baik sedikit dari semua bongkah rosakkan?
 - Tutup semua bongkah, bersihkan rumah cendawan dan mula meracun secara organik untuk menghalau sebanyak mungkin hama ini. Rehat selama sebulan dengan bongkah tertutup juga akan memaksa hama untuk keluar dari rumah cendawan.
 - Hama kebiasaannya berasal dari semak samun / hutan. Dan ianya datang disebabkan adanya makanannya berdekatan. Sisa organik terkumpul seperti tahi ayam / burung adalah sangat diminati hama
- Berikut adalah keadaan bongkah yang sudah di hujung musim. Sekiranya dipegang, ia boleh dipenyetkan dan

lebih ringan dari asal. Bongkah juga pada ketika ini sudah kurang warna putihnya. Antara cara mudah mengenalpasti bongkah mati adalah ia sudah tidak lagi mengeluarkan hasil.



- Satu lagi perkara penting untuk diketahui adalah, pada ketika bongkah menghampiri hujung musim, bongkah-bongkah akan lebih mudah dijangkiti penyakit dan diserang perosak. Di ketika ini, misellium sudah tidak sepekat dan sekuat asalnya. Ini adalah antara sebab utama kebanyakan pengusaha otai tidak melanjutkan musim mereka hingga 5-6 bulan, kerana risiko rumah cendawan mereka akan dijangkiti dan membahayakan bongkah-bongkah baru kelak. Musim berdurai 3-4 bulan adalah optimum, selepas dari ini, bongkah yang masih mengeluarkan hasil ditempatkan di rumah cendawan kuarantin atau terus dibuang.

Antara pembahagian buka tutup yang paling mudah dilaksanakan adalah dengan membahagikan 5 kumpulan bongkah. Bagi rumah cendawan, barisan rak ditandakan dan dikelaskan mengikut kumpulan-kumpulan ini. Satu kumpulan dibuka, maka yang lain mestilah ditutup.

Jadual Buka Tutup Kumpulan Bongkah

		Hari																														
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31
A		Buka				Tutup																Buka				Tutup						
B		Eram		Buka			Tutup										Buka			Tutup												
C		Eram			Buka					Tutup												Buka		Tutup								
D		Eram					Buka						Tutup																			
E		Eram							Buka					Tutup																		

	FASA 2	FASA 3	FASA 4
Jumlah Bongkah Keseluruhan: (pcs)	1,000	5,000	8,000
Jumlah Bongkah Dibuka Setiap Hari: (pcs)	200	1,000	1,600
Sasaran hasil per bongkah: (g/bongkah)	180	180	180
Sasaran hasil sehari: (kg/hari)	1	6	9

* dengan anggaran hasil per bongkah bahagi 6 kali tuaian sama rata

Bagi simulasi di atas, setiap bongkah dirancang untuk dibuka dua kali sebulan dan dijangka selesai 6 kali bukaan pada tamatnya bulan ke-3. Ini adalah dengan anggapan anda membahagikan setiap kumpulan sama banyak. Dengan mengikuti jadual sebegini anda dapat menjadi konsisten dalam membekalkan produk segar anda kepada para pelanggan.

Dengan meminimalkan jumlah bongkah yang dibuka juga mengurangkan risiko serangan perosak dan kontaminasi. Sungguhpun begitu saya pasti beginner yang memulai kurang dari seribu bongkah mungkin agak sukar untuk mengikutinya. Sekiranya anda sedemikian, saya cadangkan anda mengambil tempahan sebulan hanya dua kali.

Anda juga sebilangan kecil pengusaha yang tidak menutup langsung bongkah mereka sehingga habis musim. Sungguhpun risiko amat besar, tetapi mereka tidak perlu meluangkan banyak masa di rumah cendawan kecuali menuai hasil dan pembersihan. Ringkas. Saya cadangkan anda ikut jadual supaya bongkah cendawan anda terus sihat sepanjang musim.

BUKA TEMPAHAN SEGAR

Dari jadual tadi, anda sudah boleh merangkan bila patut anda iklankan dan bila patut ditutup tempahan supaya kesemua stok anda habis dijual dan anda berjaya optimumkan pengeluaran rumah cendawan anda.

Langkah-langkah untuk membuka tempahan dan membuat jualan adalah seperti berikut:

1. Mengagak berapa jumlah berat pada beberapa hari berikutnya (rujuk jadual tadi)
2. Iklankan kepada prospek anda sehari sebelum penghantaran dan contohnya:
 - Copywriting iklan (penulisan iklan)
 -
 - Gambar produk anda (bagus juga dimasukkan sekali gambar anda)
 - Hebahkan jumlah segar yang dibuka untuk tempahan
 - Letakkan Call to Action (CTA) bagaimana prospek boleh hubungi anda semula
3. sdsd

MULA ISI REKOD

BAB 6: MUSIM PERTAMA

TUAIAN PERTAMA DAN KEDUA

TUTUP REHAT

RUTIN HARIAN

KONSISTEN MENJUAL

URUSKAN KESIHATAN BONGKAH

REKOD

URUS BONGKAH ROSAK

URUS BONGKAH MATI

MENABUNG UNTUK BONGKAH BARU

TEMPAH BONGKAH SETERUSNYA

CUCI RUMAH DAN REHAT

SEMAK REKOD DAN KIRA UNTUNG RUGI

BAB 7: APA LANGKAH SETERUSNYA?

TAMBAH KEMAHIRAN ASAS

BESARKAN MARGIN KEUNTUNGAN

TAMBAH KEMAHIRAN BARU

CUBA CONTRACT FARMING

BAB 8: CARA KEMBANGKAN BISNES

BUAT KERTAS KERJA

MOHON GERAN

CARI PARTNER

SERTAI COACHING